



M. MADANI SAHARI Ketua Pegawai Eksekutif MAI

CYBERJAYA 1 Sept. – Menjelang 2020, kebanyakan kenderaan di Malaysia adalah berkonsepkan mesra alam atau teknologi hijau dengan menawarkan penggunaan sumber tenaga lebih cekap dan pengurangan pelepasan karbon. Malah, kenderaan pada waktu itu berkemungkinan akan memanfaatkan sumber tenaga elektrik dan bahan bakar alternatif seperti biodiesel, gas asli, dan hidrogen.

Begitulah yang digambarkan oleh Institut Automotif Malaysia (MAI) kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini. Ketua Pegawai Eksekutif MAI, M. Madani Sahari berkata, tidak mustahil perkara itu mempunyai kebenarannya kerana Kerajaan sedang giat untuk merealisasikannya. Malah, katanya, pada waktu tersebut, dianggarkan sebanyak sejuta kenderaan akan dijual setiap tahun dalam negara berbanding sekitar 600,000 buah sahaja, sekarang. "Sejajar dengan wawasan negara maju menjelang tahun 2020, Malaysia harus melihat pendekatan penggunaan teknologi tersebut sebagai satu usaha bagi meningkatkan daya saing negara. "Selaras dengan komitmen Malaysia di Copenhagen, Denmark supaya pengurangan kadar pembebasan karbon dioksida sebanyak 40 peratus pada tahun 2020 tercapai, industri automotif di negara ini khususnya telah mula menggiatkan usaha ke arah itu. "Malah, ia selaras dengan usaha menghijaukan industri automotif dari sektor pembuatan sehingga pasca jualan," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

MAI ditubuhkan pada Jun tahun lalu dan berada di bawah naungan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). M. Madani berkata demikian sebagai menggambarkan senario pada 2020 dalam industri automotif dengan mengambil kira pengenalan Dasar Automotif Negara (DAN) yang akan dibentangkan Disember nanti. Jelas beliau, MAI yang telah diberi mandat oleh MITI bagi merangka DAN 2011 turut menekankan pendekatan teknologi mesra alam dan terkini supaya negara tidak ketinggalan dengan negara-negara maju yang lain. Tambah M. Madani, DAN 2011 turut memberi penekanan kepada pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) dalam negara. "Pelabur-pelabur dari Eropah, Jepun, Amerika Syarikat dan Korea Selatan terutamanya sudah jauh ke hadapan dalam bidang kenderaan berteknologi hijau. Saya amat yakin pelaburan syarikat-syarikat dari sana membawa hasil yang amat baik untuk negara," ujarnya. Menurut M. Madani, MAI sudah memulakan pembangunan sumber manusia dalam industri automotif dan pembangunan teknologi sejak setahun lalu sebagai satu inisiatif bagi meningkatkan daya saing dan memastikan kelangsungan industri automotif tempatan. Katanya, bermula tahun depan, MAI akan turut memberi tumpuan terhadap perkhidmatan pasca jualan yang perlu seiring dengan pembangunan teknologi kenderaan.

PENDANG 2 Sept. – Sikap liat membayar hutang di kalangan peminjam Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) masih menjadi masalah kepada tabung itu sedangkan ia memerlukan pusingan modal mencukupi untuk diberikan kepada pemohon lain. Pengerusi TEKUN, Suraya Yaacob berkata, sehingga 30 Jun lalu, kadar peratusan pinjaman yang diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak aktif (NAL) adalah 20.32 peratus melibatkan tunggakan berjumlah RM313.99 juta. Katanya, kedudukan hutang lapuk iaitu tunggakan melebihi 24 bulan pula berjumlah RM157.81 juta dengan RM33.09 juta berjaya dikutip semula. "Peminjam TEKUN diminta supaya tidak culas membayar balik pinjaman kerana ramai lagi usahawan kecil memerlukan bantuan tabung ini untuk mengembang atau memulakan perniagaan," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di sini baru-baru ini. Suraya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Tiang memberitahu, setakat ini banyak pihak menerima manfaat daripada tabung berkenaan yang merupakan salah satu landasan untuk usahawan mendapatkan modal perniagaan. Menurutnya, sejak 1999 sehingga Jun lalu, TEKUN telah menjana pendapatan dan memberi peluang perniagaan kepada kira-kira 188,000 usahawan dari seluruh negara dengan jumlah pembelian mencecah RM1.75 bilion. "TEKUN tidak akan menghadapi masalah untuk meluluskan lebih banyak pinjaman perniagaan jika peminjam melunaskan hutang mereka mengikut Jadual," katanya.

Menurut Suraya, punca kebanyakan peminjam gagal melunaskan hutang adalah kerana perniagaan diceburi mereka tidak berdaya saing atau menggunakan pinjaman bagi tujuan selain perniagaan. Kata beliau, TEKUN kini mengambil pendekatan yang bersifat pujukan dalam usahanya memastikan para peminjam khususnya lebih 36,000 peminjam yang tertunggak melebihi enam bulan agar lebih bertanggungjawab dan melunaskan hutang masing-masing secara berterusan. Beliau berkata, pegawai akan mengunjungi peminjam tegar untuk memujuk mereka membayar hutang diikuti surat amaran dan tindakan mahkamah oleh Jabatan Undang-undang TEKUN sebagai pendekatan terakhir yang akan diambil jika mereka masih berdegil. "Bagi peminjam yang menghadapi kesukaran membuat bayaran balik, mereka dinasihatkan berjumpa dan berbincang dengan pegawai-pegawai untuk mendapatkan bantuan," katanya.



3 September 2011 (Sabtu) - Konsep waqaf selamatkan GLC



PADA 7 Julai, 2011, akhbar Utusan Malaysia menerbitkan seruan saya supaya kerajaan mengkaji semula pelupusan atau penswastaan 33 GLC sehingga satu agenda ekonomi untuk membela nasib golongan miskin yang majoritinya Melayu dan Bumiputera digubal. Saya telah menyatakan pendirian selaku Timbalan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) dan juga bagi pihak Majlis Perundingan Melayu (MPM) yang mewakili sejumlah besar NGO Melayu. Seruan ini diutarakan setelah Datuk Seri Idris Jala, Ketua Eksekutif Pemandu yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengumumkan pelupusan 33 syarikat terbabit sebagai sebahagian "Inisiatif Pembaharuan Strategik yang membabitkan peranan kerajaan dalam sektor perniagaan." Beliau telah dipetik sebagai berkata antaranya, 21 syarikat milik GLC akan dilupus terus, sementara lima dikurangkan pegangannya dan tujuh lagi disenaraikan di bursa saham. Pada pandangan saya, antara sebab utama pelupusan ini tidak harus dilakukan ialah kerana dengan menswasta atau melupuskan ekuiti milik GLC, pada hakikatnya kerajaan memindahkan bahagian hak milik pegangan masyarakat ramai dan ekuiti amanah rakyat terbanyak kepada segelintir golongan atasan dan mereka yang kaya. Lebih-lebih lagi jika penswastaan atau pelupusan ini dilakukan menurut kaedah penyenaraian di bursa saham – berapa ramaikah dalam kalangan rakyat berpendapatan rendah akan mendapat manfaat darinya? Sesungguhnya langkah ini suatu langkah yang tidak adil dan akan melebarkan jurang ekonomi dalam masyarakat. Beberapa persoalan lain juga menuntut cadangan ini dikaji semula. Tidakkah sebahagian besar GLC telah membuktikan prestasi yang bertambah baik dan usaha hebat kalangan CEO dan barisan kepimpinan GLC telah membuktikan GLC pada umumnya tidak lagi membebankan kewangan kerajaan dan rakyat?

Jika ianya dilakukan bertujuan meringankan beban rakyat, kenapa syarikat GLC yang berjaya mahu dilupuskan? Peranan kerajaan menerusi GLC dan penglibatan mereka dalam ekonomi juga bukan lagi menjadi isu "ideologi" politik dan pemerintahan. Kita di Malaysia harus bersikap pragmatik. Setelah GLC lebih efisien dan berkesan, diurus dengan profesional, telus dan akauntabiliti, mereka tidak lagi menjadi penghalang kepada persaingan sihat dalam sistem ekonomi. Justeru, setelah mengikut kaedah pasaran dan berjaya menambah nilai ekonomi tanpa subsidi yang semuanya dicapai tanpa campur tangan kerajaan, tidak ada sebab lagi peranan mereka harus dicurigai. Tidakkah Republik Rakyat China dan Singapura bukti nyata antara beberapa negara lain yang tegas menggunakan GLC sebagai strategi besar membina keupayaan dan ketahanan bersaing ekonomi masing-masing? Singapura tetap menjadikan GLC institusi strategik dalam percaturan persaingan ekonomi serantau dan global, sekalipun pernah berlaku kerugian besar oleh GLC utama mereka atas kesilapan dan kelemahan pengurusan. Selain itu, Amerika syarikat, iaitu pejuang utama kapitalisme liberal dan benteng paling kukuh sistem kapitalisme Barat, kini sedang mengkaji semula dasar liberalisasi ekonomi mereka setelah dilanda krisis sejak akhir 2008 dan seterusnya, setelah kadar pengangguran dan kemiskinan meningkat dan tekanan ekonomi semakin mendesak. Keyakinan penuh rakyat Amerika sebelum ini terhadap sistem ekonomi 'private-sector driven' semakin pudar setelah jelas dilihat impak sistem ini yang lebih mirip menjadi 'greed-driven' – iaitu dipacu nafsu serakah dan tamak haloba golongan elit korporatnya. Kini pemerintah Amerika banyak terlibat langsung dalam pengurusan ekonomi, termasuk menggunakan wang rakyat untuk membela dan melindungi kepentingan golongan yang paling terjejas oleh krisis kerana ditakuti akan merosak dan memusnahkan sistem ekonomi. Kenapa pula kini kita di Malaysia berebut-rebut melakukan sebaliknya? Kenapa harus taksub memburu liberalisasi, menyerahkan destini masa depan rakyat dan negara kepada kepentingan sempit swasta, langsung mengabaikan "Semangat DEB" dan mengenepikan nilai keadilan masyarakat?

Sesungguhnya langkah yang membawa impak besar seperti ini perlu dilakukan dengan lebih berhati-hati dan setelah dihalusi kesan dan implikasi sepenuhnya. Kerana jika ia diteruskan, bermakna "Semangat DEB" telah diketepikan dan dibuang. Dan dengan mengenepikan "Semangat DEB" membawa kesan jangka panjang serius terhadap perjuangan menerapkan keadilan dalam sistem ekonomi negara. Apabila keadilan dikesampingkan, ia jelas bertentangan dengan aspirasi besar umat Islam di Malaysia serta pegangan nilai hidup mereka dan ini pasti tidak akan dapat mereka terima! Jangan gadaikan GLC dengan sistem liberalisasi Dalam keadaan iklim ekonomi mencabar dan desakan kos sara hidup semakin mengancam, golongan termiskin, majoritinya Melayu dan Bumiputera, berhak untuk terus menuntut pembelaan dan perlindungan. Sesungguhnya, sangat tidak kena pada masanya sistem ekonomi negara yang diwarisi sejak merdeka yang berteras kepada memperjuangkan kesaksamaan dan keadilan ekonomi dirombak dan diliberalisasikan.

Malah Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) dan Majlis Perundingan Melayu (MPM) tegas dengan pendirian supaya kerajaan mengekalkan peranan GLC sebagai jelas mereka berupaya menambah nilai ekonomi atas dasar persaingan di pasaran. DPIM dan MPM juga mencadangkan supaya penswastaan GLC, jika hendak terus dilakukan, sewajarnya dijayakan menerusi kaedah Islamik, kerana dengan berprinsipkan Islam ciri-ciri keadilan dan pembelaan untuk golongan masyarakat termiskin akan tetap menjadi pertimbangan utama. Salah satu institusi yang boleh digunakan untuk menjayakan penswastaan cara Islam ialah dengan mewakafkan bahagian saham dan ekuiti syarikat GLC yang berjaya dan menyerahkan hakmilik atas nama institusi Waqaf Korporat. Lebih baik lagi jika wakaf dilakukan sebelum syarikat terbabit disenaraikan. Dengan cara ini, pertambahan nilai saham di bursa saham akan dapat dimanfaatkan oleh Waqaf Korporat untuk dipanjangkan kepada masyarakat menerusi agihan kepada golongan bukan-bisnes, termasuk yang miskin dan terpinggir khasnya. Menerusi Waqaf Korporat sebagai institusi amanah, milik saham tersenarai juga dapat dikekalkan berpanjangan untuk manfaat generasi akan datang. Insya Allah sampai kiamat!

Penulisan saya dalam artikel al Islam, terbitan Julai, 2011, memberi satu contoh kejayaan Waqaf Korporat, iaitu Waqaf An Nur Corporation Bhd. (WANCorp) yang ditubuhkan oleh Johor Corporation sejak tahun 2000. WANCorp memiliki aset bernilai RM430.4 juta pada akhir 2010 dan selain memiliki saham tersenarai di Bursa Malaysia, juga menerajui syarikat tidak tersenarai pemilik kompleks membeli belah (Larkin Sentral di Johor Bahru), selain syarikat terbabit dalam bisnes haji dan umrah serta pembangunan mutawif profesional. WANCorp jelas telah banyak membawa manfaat bukan sahaja menerusi program bisnes dan pembangunan keusahawanan, malah juga menerusi program fi sabillillah dan amal kebaikan. Paling penting, sekalipun dibentuk mengikut acuan Islam, manfaat besarnya tidak eksklusif malah dapat dinikmati bersama semua warganegara. Ini terbukti, misalnya apabila WANCorp berjaya memiliki saham PLC yang bisnesnya dikendalikan dengan cara sangat inklusif membabitkan eksekutif dan anggota profesional semua kaum di segala peringkat dan lapisan. Demikian juga, setelah WANCorp berjaya membawa manfaat besar kepada lebih 650,000 pesakit miskin menerusi rangkaian Klinik Waqaf dan Hospital Waqaf di seluruh negara, termasuk kepada lebih 40,000 pesakit miskin bukan Muslim.

Waqaf Korporat Nasional Malaysia - Apa yang segera perlu kerajaan lakukan ialah memudahkan pembentukan banyak lagi badan-badan Waqaf Korporat seperti WANCorp. Untuk itu, dicadangkan supaya ditubuhkan sekurang-kurangnya satu organisasi Waqaf Korporat di setiap negeri. Namun, pra syarat paling penting ialah menentukan semua organisasi Waqaf korporat ini diurus dan dikendalikan secara profesional dan distruktur mengikut kaedah yang dapat memaksimumkan kedua-dua kelebihan pada institusi ini. Pertama, kelebihan ciri Islamnya yang mematuhi syarak dan memenuhi semua syarat wakaf dalam Islam; dan kedua, digandingkan dinamisme Waqaf Korporat sebagai entiti bisnes yang di pacu daya keusahawanan tinggi berlandaskan sistem pengurusan profesional dan susunan organisasi mengikut kaedah amalan terbaik korporat sejagat. Dalam hal ini, satu langkah besar dan paling strategik yang kerajaan perlu segera utamakan ialah penubuhan institusi Waqaf Korporat Nasional Malaysia. Institusi Waqaf Korporat peringkat nasional ini perlu segera dijadikan organisasi amanah induk mewakili bukan sahaja kepentingan masyarakat Melayu dan Muslim, malahan juga membela nasib semua golongan termiskin dan terpinggir dari kalangan semua kaum, agama dan keturunan. Untuk menjayakannya, sama seperti ketika penubuhan PNB dan Yayasan Pelaburan Bumiputera, kerajaan digesa memperuntukkan sekurang-kurangnya RM2 bilion, bagi digunakan untuk membeli dan mewakafkan saham-saham milik GLC kepada institusi Waqaf Korporat Nasional. Setelah Waqaf Korporat dibangunkan, penswastaan syarikat GLC harus memberi keutamaan kepada mereka. Barulah penswastaan syarikat GLC dapat dijayakan mengikut acuan dan pendekatan Islam tanpa mengenepikan "semangat DEB".

Menerusi kaedah ini juga pendirian yang jelas dilihat membela kepentingan rakyat terbanyak dan melindungi kepentingan hak golongan miskin dan terpinggir pasti disambut baik oleh semua rakyat Malaysia. Juga, menerusi kaedah Islamik ini, rakyat Malaysia dapat memperkenalkan satu pendekatan baru institusi wakaf yang dipercayai berupaya memperbaiki sistem ekonomi ciplakan kapitalisme Barat. Kerana seluruh dunia amnya dan dunia Islam khasnya sedang menantikan pembaharuan, supaya kehidupan tidak terus dinoda dan dirosakkan oleh orang yang rakus dan materialistik serta korporat yang cuma mengutamakan kepentingan swasta yang terlalu sempit. Pembaharuan institusi ini juga perlu disegekan jika kita di Malaysia ingin mengelakkan ledakan satu hari nanti kemarahan rakyat seperti yang telah berlaku di Mesir, Tunisia dan Libya dan kini sedang menjangkiti beberapa negara Islam lain, terutama di Asia Barat.

TAN SRI MUHAMMAD ALI HASHIM, Timbalan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM)



3 September 2011 (Sabtu) - PTPTN pulangkan semula lebih faedah

TEMERLOH 3 Sept. – Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN) akan memulangkan semula wang faedah pinjaman konvensional kepada para peminjam tabung tersebut yang telah menukarkan status pinjaman mereka kepada konsep Ujrah. Pengurus PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said berkata, pihaknya akan membayar balik lebih faedah antara tiga hingga empat peratus sebelum ini kepada para peminjam secara berperingkat-peringkat. Katanya, seramai 836,408 peminjam tabung berkenaan daripada 1,379,374 pelajar yang meminjam di bawah konsep konvensional layak untuk menukar kepada konsep Ujrah. “Bakinya seramai 542,966 pelajar tidak layak kerana telah dikenakan saman, melanggar perjanjian, gagal menamatkan pengajian, menukar pengajian tanpa merujuk kepada PTPTN atau mendapat penaja lain. “Selain itu pelajar atau peminjam yang tidak layak mendapat faedah tersebut ialah yang telah membayar balik semua pinjaman dan mereka yang diberi pengecualian bayaran balik kerana memperolehi ijazah kelas pertama,” katanya ketika ditemui pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Kuala Krau di Kampung Peragap dekat sini, hari ini. Sehubungan itu, Ismail menasihati pelajar atau peminjam supaya menghubungi segera pengurusan PTPTN untuk urusan pembayaran balik dan penukaran status pinjaman daripada konvensional kepada konsep Ujrah. Katanya, jika mereka gagal berbuat demikian, mereka juga yang rugi kerana apabila dikenakan saman dan tindakan mahkamah, tidak lagi boleh menukarkan status tersebut dan terpaksa membayar pelbagai denda termasuk kadar faedah lapan peratus.



3 September 2011 (Sabtu) - Buang sampah ikut kategori, Oleh Mohd. Hazli

Hassan

SELAMAT Hari Raya dan selamat menyambut Hari Kemerdekaan Ke-54 kepada semua pembaca Impak Alam. Mungkin ketika membaca ruangan ini ada yang masih bercuti atau mungkin ada yang sudah berkira-kira mahu pulang ke kota, untuk mula bekerja semula selepas berhari raya di kampung halaman masing-masing. Dan sudah pasti, ramai yang akan mengadakan rumah terbuka sepanjang sebulan berhari raya ini untuk menjamu saudara-mara dan rakan-taulan. Bila sahaja disebut rumah terbuka, pasti hasil buangan yang dijana banyak termasuklah yang boleh dikitar semula atau tidak. Tidak diketahui sama ada pembaca ruangan ini sedar atau tidak mengenai penguatkuasaan sistem pengasingan sampah mengikut jenis dan kategori bahan buangan yang dilakukan kerajaan bermula 1 September lepas. Bermula Khamis lalu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menguatkuasakan sistem pengasingan sampah ini di semua premis kediaman selepas Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 diluluskan. Sistem pengasingan ini bertujuan memastikan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam diurus dengan teratur, bersepadu dan sistematik. Buat permulaan, sistem ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat dalam masa dua tahun supaya orang ramai boleh membiasakan diri. Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Chor Chee Heung, selepas dua tahun, denda akan dikenakan kepada mereka yang tidak mengasingkan buangan mengikut kategori. Saya menyanjung tinggi usaha kerajaan ini dalam membolehkan orang ramai mengamalkan sikap kitar semula. Memang sepatutnya ia bermula dari rumah namun tempat-tempat awam juga perlu dilengkapi dengan tong-tong sampah yang berbeza mengikut kategori. Ini membolehkan orang ramai membiasakan diri sama ada di kediaman mahupun di tempat awam dalam mengamalkan konsep kitar semula.

Jepun merupakan antara negara yang mengamalkan konsep ini di mana-mana. Dan ia berjaya diterapkan kepada rakyat mereka dan kini menjadi amalan. Malah, saya pernah melihat seorang rakyat negara matahari terbit itu menyimpan cawan minuman kertas di dalam poket ketika di dalam komuter dan setibanya di destinasi, dia terus mencari tong sampah yang dikhatusukan untuk kertas. Ini merupakan perkara yang baru di Malaysia dan saya percaya dua tahun merupakan masa yang amat cukup untuk mendidik masyarakat. Namun tanpa promosi dan pemberitahuan sepanjang masa, saya pasti ia akan tetap gagal sama seperti kempen kitar semula oleh kerajaan yang dilaungkan sejak bertahun-tahun lalu. Alasannya mudah, segelintir rakyat negara ini masih lagi mempunyai minda dunia ketiga. Ini, bukan saya yang cakap, tetapi pemimpin kita yang menyuarakan kegelisahan tersebut.



4 September 2011 (Ahad) -PTPTN lupus pinjaman RM312j, Oleh SALEHUDIN
MAT RASAD utusanktn@gmail.com

KUALA KRAU 4 Sept. - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melupuskan pinjaman pendidikan sebanyak **RM312.24 juta** kepada 10,849 graduan yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama sehingga akhir bulan lepas. Penggerusi PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said berkata, ini adalah selaras dengan fungsi PTPTN yang mengiktiraf pencapaian cemerlang graduan ketika mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT). Menurutnya, mesej ini adalah jelas untuk mendorong dan mencabar mahasiswa agar serius mengikuti pengajian di universiti tanpa dihinggapi sindrom 'cukup makan' sahaja. "Daripada jumlah itu seramai 2,103 penerima biaya itu terdiri daripada graduan bumiputera dalam pelbagai jurusan yang melibatkan jumlah RM42.84 juta. "Manakala statistik itu turut menunjukkan seramai 8,746 penerima biaya PTPTN terdiri daripada kalangan bukan bumiputera membabitkan amaun berjumlah RM269.39 juta," katanya. Ismail merangkap Ahli Parlimen Kuala Krau berkata demikian kepada Utusan Malaysia setelah mengadakan perjumpaan dengan Exco Majlis Mahasiswa Anak-Anak Pahang (Mampan) di sini, baru-baru ini. Hadir sama, Presiden Mampan Norfarhan Mustaffa dan bekas Presiden Mampan pertama, Abdul Razak Ahmad serta wakil Mampan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Hanisah Burhanuddin. Tambah Ismail, bilangan mahasiswa bumiputera mendapat ijazah kelas pertama sangat kurang berbanding bukan bumiputera dan ini patut dijadikan cabaran.

Sementara itu, katanya, PTPTN telah mengeluarkan sejumlah pinjaman sebanyak RM39.87 bilion kepada 1.8 pelajar sehingga akhir bulan Julai lepas. "Pada tahun 2011, PTPTN telah memperuntukkan sebanyak RM4 bilion lagi iaitu sebanyak RM2.62 bilion kepada 374,000 peminjam sedia ada dan RM1.34 bilion kepada 206,000 peminjam baharu bagi sesi September ini. Bagaimanapun, tegasnya, bayaran balik yang diterima setakat ini ialah sebanyak RM2.6 bilion yang membabitkan 715,000 orang peminjam atau 48.33 peratus. "Jumlah patut bayar balik oleh graduan lepasan IPT ini membabitkan 998,000 pinjaman atau RM5.9 bilion tetapi majoriti mereka gagal menjelaskan mengikut perjanjian. "PTPTN tetap bersetuju menangguhkan pembayaran balik pinjaman kepada 31,000 orang dengan nilai RM491 juta setelah mengambil kira alasan peminjam," jelasnya.



4 September 2011 (Ahad) - Faedah pinjaman 40 peratus sebulan



Iklan yang menawarkan pinjaman oleh syarikat berlesen dan ah long ditampal merata-rata di sekitar Kuala Lumpur. - UTUSAN/safrizal azmi.

KITA sering melihat iklan-iklan pemberi pinjam wang berlesen yang memaparkan faedah serendah satu hingga 1.5 peratus sebulan. Bagi yang mengalami masalah kewangan atau sering berada dalam kesempitan, tawaran itu tentulah dianggap sebagai 'rahmat' kepada mereka. Memandangkan ia urusan yang dibenarkan oleh kerajaan, pinjaman daripada pihak-pihak ini dianggap lebih terjamin berbanding ah long. Ini kerana semua urusan adalah tertakluk di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400). Malangnya, di sebalik 'imej baik' tersebut, terdapat banyak aduan mendakwa pemberi pinjam wang berlesen ini sebenarnya adalah ah long. Wartawan unit khas Utusan Malaysia, AZRAI

MOHAMMAD dan TERMIZI CHE ANUAR menyiasat dakwaan itu bagi mendapatkan gambaran sebenar berkaitan industri kewangan tersebut.

KUALA LUMPUR 4 Sept. – Syarikat peminjam wang berlesen kini semakin berani bertindak melampau seperti ah long dengan mengenakan kadar faedah tidak masuk akal. Walaupun tertakluk dengan syarat kadar faedah tidak melebihi 18 peratus setahun, jangan terkejut sekiranya faedah yang dikenakan tidak seperti diiklankan mahupun termaktub di dalam akta tersebut, malah ada yang mencecah sehingga 40 peratus sebulan. Lebih memeranjatkan, terdapat syarikat yang mengenakan syarat supaya pekerja mereka dibenarkan mengikut peminjam sehingga ke rumah. Malah, kad bank peminjam juga akan dipegang oleh mereka. Alasannya, mereka selalu tertipu dengan peminjam yang memberikan alamat palsu. Menurut Pegawai Unit Tindakan Ah Long Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Saharudin Bakar, selain mengenakan kadar faedah tinggi, syarikat berlesen turut terlibat dengan kegiatan mengugut dan memberi tekanan emosi kepada peminjam. Katanya, setiap bulan, sebanyak lima daripada 20 aduan yang diterima oleh pihaknya adalah berkaitan ah long melibatkan syarikat berlesen. "Memanglah syarikat-syarikat berlesen ini ada syarat dan dipantau, tetapi mereka tidak peduli dan bertindak seperti ah long dengan mengenakan kadar faedah tak masuk akal dan ugut peminjam. "Keadaan ini menjadi bertambah sukar kerana peminjam tidak dapat membezakan antara peminjam wang berlesen yang dikatakan kurang berisiko dan ah long," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini. Menurut Saharudin, kesukaran mendapatkan kembali bayaran balik daripada peminjam selalu dijadikan alasan syarikat terbabit melakukan perkara-perkara bertentangan dengan akta.

"Tetapi, kebiasaannya kes yang membabitkan mereka dapat diselesaikan apabila diberitahu akan melaporkan isu tersebut kepada pihak berkuasa," katanya yang sudah enam tahun berpengalaman mengendalikan kes-kes berkaitan ah long. Wartawan unit khas Utusan Malaysia yang mengunjungi beberapa buah premis pemberi pinjaman wang berlesen sekitar Lembah Klang turut mendapati, terlalu banyak persamaan antara syarikat tersebut dengan ah long. Bagi bakal peminjam kali pertama, syarikat terbabit enggan mendedahkan kadar faedah yang akan dikenakan sekiranya tidak membawa dokumen peribadi yang diperlukan. Secara logiknya, kadar faedah sesuatu pinjaman perlulah diketahui oleh bakal peminjam. Sekiranya tidak, ia seolah-olah ada 'sesuatu' yang ingin disembunyikan pemberi pinjam wang berlesen. Perbuatan tersebut tidak ubah seperti modus operandi ah long. Timbul juga keraguan, kerana di setiap premis yang dikunjungi tidak pula terlihat lesen yang dipaparkan kepada bakal peminjam. Justeru, satu tindakan drastik perlu diambil kerajaan bagi menghapuskan gejala tersebut kerana ia melibatkan kepentingan umum.



4 September 2011 (Ahad) - Lupuskan lesen pemberi pinjaman wang

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Kerajaan disaran agar melupuskan semua lesen pemberi pinjam wang sekiranya agensi terbabit lebih banyak mendatangkan masalah kepada pengguna. Penganalisis ekonomi Fakulti Sains Sosial, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Amir Baharuddin berkata, agensi terbabit tidak perlu wujud kerana pengguna masih banyak pilihan melalui institusi yang dikawal baik oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara. "Walaupun mereka tertakluk dengan syarat-syarat pemberi pinjam wang berlesen di bawah kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), namun banyak kes yang menunjukkan mereka tidak mematuhi. Mudahnya sedikit tapi risiko tinggi. "Selain itu, mereka melemahkan institusi kewangan lain dan menimbulkan banyak tanda tanya kepada pengguna. Jika begitu lebih baik lupuskan lesen. Sementara itu, bank pula perlu banyakkan pinjaman mikro," katanya ketika dihubungi baru-baru ini. Menurut Amir, ketika ini, kedudukan syarikat pinjaman berlesen yang terletak di bawah kuasa KPkt juga perlu dikaji. "Sepatutnya segala perkara melibatkan kewangan atau kredit dikawal selia oleh Kementerian Kewangan atau Bank Negara agar tidak berlaku pertindihan polisi atau sebagainya. "Kecualilah kuasa tersebut diserahkan secara sementara atas sebab tertentu misalnya Bank Negara sudah tidak mampu mengawal bebanan kerja," katanya. Pandangan beliau turut disokong seorang lagi penganalisis ekonomi, Dr. Haim Hilman Abdullah yang menyatakan kerajaan perlu melakukan kajian tentang keperluan agensi tersebut kepada masyarakat dalam konteks semasa. "Dalam kajian tersebut, perlu dinyatakan bagaimana bank atau koperasi boleh menjadi alternatif dengan mekanisme pinjaman yang lebih mudah. "Bagaimanapun, jangan pula mekanisme itu menjadikan bank atau koperasi sebagai mangsa peminjam yang tidak membuat bayaran semula," katanya. Tambah beliau, kebiasaannya, pemberi pinjam wang berlesen menjadi tumpuan peminjam yang tidak dapat memenuhi syarat pinjaman atau mempunyai rekod buruk di bank.

SYARIKAT BERLESEN 1 - SEBUAH syarikat pemberi pinjam wang berlesen yang beroperasi di Taman Medan, Petaling Jaya masih lagi menuntut RM20,000 daripada Rosnah (bukan nama sebenar) walaupun dia telah membayar sejumlah RM50,580 dalam tempoh empat tahun. Wakil syarikat tersebut akan menelefon dan menghantar orang setiap hari bertemu Rosnah bagi tujuan menuntut hutang. Alasannya, ansuran lebih RM1,000 setiap bulan yang dibayar adalah faedah sahaja. Hutang itu tidak akan selesai selagi dia tidak membayar RM20,000 secara tunai. Apabila dikira kembali, syarikat terbabit telah mengenakan faedah lapan peratus sebulan terhadap Rosnah. Dia yang bekerja di sebuah hotel di ibu negara merasa tertipu kerana syarikat berlesen yang dirasakan 'selamat' itu tidak lagi mengikut syarat-syarat pinjaman yang ditetapkan. Akhirnya, Rosnah yang amat tertekan dengan keadaan itu membuat aduan kepada Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) bagi mencari jalan penyelesaian.

SYARIKAT BERLESEN 2 - NASIB yang sama turut dialami oleh Hisyam (bukan nama sebenar) seorang peniaga kecil yang membuat pinjaman dengan syarikat pemberi pinjam berlesen. Dia yang meminjam sejumlah RM16,000, dipaksa membayar 15 peratus atau RM2,400 sebulan. Bagaimanapun, walaupun sudah dua tahun membayar jumlah tersebut yang kini hampir mencecah RM60,000, syarikat terbabit tetap menuntut RM16,000 dibayar secara tunai. Akibat rasa tertipu dengan syarikat tersebut, dia turut mengadu kepada PPIM.

SYARIKAT BERLESEN 3 - SETIAP kali empat ibu tunggal ini menerima wang bantuan RM700 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bank, setiap kali itu jugalah pekerja syarikat pinjaman wang berlesen sudah menunggu di luar untuk mengambil keseluruhan wang tersebut. Semuanya gara-gara mereka pernah meminjam dengan syarikat terbabit sebanyak RM7,000 setiap seorang untuk dijadikan modal bermula. Walaupun sudah membayar habis jumlah pokok dan faedah pinjaman dalam tempoh dua tahun, syarikat tersebut masih menuntut RM7,000 secara tunai untuk melunaskan hutang mereka. Syarat-syarat yang dijanjikan sebelum ini langsung tidak dipedulikan oleh syarikat itu. Akhirnya, pihak PPIM dan ibu tunggal itu bersetuju mengatur strategi dengan petugas PPIM menyamar sebagai pegawai JKM untuk 'menahan' keempat-empat wanita terbabit di depan pekerja syarikat terbabit ketika urusan pembayaran hutang dilakukan di luar bank. Disebabkan percaya penahanan wanita tersebut ada kaitan dengan kegiatan mereka, pekerja itu terus melarikan diri dan mereka tidak lagi mengganggu wanita-wanita terlibat hingga kini.

SYARIKAT BERLESEN 4 - CARA pengiklanan yang dipaparkan oleh syarikat pemberi pinjam wang berlesen di SS/2 Petaling Jaya ini amat meyakinkan orang ramai. Segalanya tertulis jelas di situ termasuk alamat, nombor telefon, lesen, permit, jenis pinjaman dan faedah yang ditawarkan. Namun itu, sekadar 'gula-gula' kepada peminjam. Selepas meminjam, lagak mereka tidak ubah seperti ah long yang akan menuntut duit walaupun jumlah bayaran pokok dan faedah telah dilunaskan. Lebih menakutkan, mangsa diugut jika tidak mahu membayar 'baki' hutang tersebut. Dalam satu pengaduan yang dibuat kepada PPIM, syarikat tersebut menuntut bayaran RM6,060 daripada seorang peminjam sedangkan dia telah membayar RM15,330 setelah meminjam RM7,000. Selain pengadu tersebut, terdapat lagi dua pengadu yang membuat aduan di PPIM kerana menjadi mangsa syarikat yang sama.



KUALA LUMPUR 5 Sept. — Hakim Besar Malaya Tan Sri Arifin Zakaria dilantik sebagai Ketua Hakim Negara berkuat kuasa 12 September ini, menggantikan Tun Zaki Tun Azmi yang mencapai umur persaraan wajib 66 tahun pada tarikh berkenaan. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pelantikan itu diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin berdasarkan Fasal (1) Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, atas nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, Najib berkata, Tuanku Mizan juga memperkenankan pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin (gambar) sebagai Hakim Besar Malaya menggantikan Arifin, manakala Hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Md Raus Sharif dilantik sebagai Presiden

Mahkamah Rayuan menggantikan Tan Sri Alauddin Mohd Sheriff yang bersara awal. Perdana Menteri berkata, semua pelantikan berkuat kuasa 12 September ini.

"Bagi pihak kerajaan, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tun Zaki Tun Azmi di atas segala khidmat bakti beliau di sepanjang tempoh memegang jawatan Ketua Hakim Negara, khususnya dalam mentransformasikan badan kehakiman sehingga berjaya mengurangkan keskes tertunggak di semua peringkat mahkamah, demi memberi keadilan yang pantas kepada semua pihak. "Saya juga memaklumkan persaraan awal Tan Sri Alauddin Mohd Sheriff, Presiden Mahkamah Rayuan, pada umur 65 tahun yang telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. "Kerajaan amat berterima kasih atas segala jasa beliau kepada badan kehakiman, khususnya dalam memimpin Mahkamah Rayuan," katanya. Najib juga berkata, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan kini berurusan dengan Istana Negara bagi menetapkan majlis penyampaian watikah pelantikan serta majlis mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dan setia untuk hakim berkenaan. — BERNAMA.



5 September 2011 (Isnin) - Zahrain minta penjelasan Zarina, Oleh RAJA SYAHRIR ABU BAKAR dan MOHAMMED KHAIRUL MOHD. ALI pengarang@utusan.com.my

PETALING JAYA 5 Sept. – Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Tan Sri Zarina Anwar diminta menjelaskan kewajaran membenarkan syarikat milik kerajaan (GLC), Sime Darby Bhd. dalam membeli 30 peratus saham Eastern & Oriental (E&O) Bhd. Ahli Parlimen Bayan Baru, Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim mendakwa, pembelian itu mencurigakan kerana ia tidak logik apabila Sime Darby membeli 60 peratus premium E&O tetapi hanya mendapat 30 peratus saham syarikat hartanah tersebut. Dakwanya, pembelian itu turut melibatkan kepentingan suami Zarina sendiri iaitu Pengerusi Bukan Eksekutif E&O, Datuk Azizan Abd. Rahman. Zahrain turut mempersoalkan kewajaran pembelian 30 peratus saham yang pada asalnya dimiliki tiga pihak iaitu Pengarah Urusan E&O, Datuk Tham Ka Hon, syarikat Singapura, GK Goh Holding Ltd. dan sekumpulan pemegang saham diketuai Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah. "Jadi, adakah pembelian ini satu langkah .

Suruhanjaya Sekuriti mahu menyelamatkan E&O berikutan ketidaktentuan ekonomi kini. Rakyat Malaysia perlu penjelasan ini kerana pakar ekonomi juga telah banyak mengulas pembelian ini," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar khas bagi mempersoalkan kewajaran pembelian 30 peratus saham E&O oleh Sime Darby di sebuah hotel di sini hari ini. Baru-baru ini, Sime Darby mengumumkan pembelian tersebut tetapi ia mendapat perhatian ramai apabila GLC tersebut membelanjakan RM776 juta untuk memiliki hanya 30 peratus pegangan saham E&O. Sime Darby juga dikatakan membayar terlalu mahal bagi seunit saham iaitu pada kadar RM2.30 berbanding nilai aset bersih RM2.19 sesaham dan harga sebelum digantung pada kadar RM1.45. Zahrain menambah, pembelian mencurigakan sebegini memberi kesan besar terhadap GLC dan dasar kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. "Ini wang rakyat, kepercayaan kepada kerajaan akan berkurangan walaupun Najib giat menjalankan pelan transformasi bagi membetulkan segala apa yang pincang sebelum ini," katanya.



6 September 2011 (Selasa) - JPA siasat balu tidak terima pence

KUALA LUMPUR 6 Sept. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan turun padang bagi menyiasat dakwaan seorang balu anggota polis yang pernah berkhidmat di Balai Polis Bukit Kepong bahawa beliau tidak pernah menerima pencek semenjak kematian suaminya pada tahun 1962. Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA Datuk Yeow Chin Keong berkata, beliau sendiri akan menemui balu tersebut, Sharifah Aminah Syed Ali, 83, di kediamannya di Alor Setar bagi mendapatkan lebih lanjut tentang perkara berkenaan. "Saya akan berada di Alor Star pada jam 3 petang ini dan akan berjumpa sendiri dengan balu tersebut di rumahnya bagi mendapatkan kedudukan sebenar berhubung perkara itu," katanya ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini. Yeow berkata kemungkinan wujud salah faham berkenaan undang-undang pencek yang diberikan kepada balu tersebut berhubung pindaan undang-undang pencek yang dilakukan pada tahun 70-an sehingga 2002.

"Sebelum tahun 70-an sekiranya berlaku kematian ke atas penjawat awam ketika dalam perkhidmatan sememangnya tiada penceن yang diberikan kepada balu. "Namun pada tahun 80-an, kerajaan sudah mula bagi penceن terbitan kepada balu-balu terlibat, namun sekiranya mereka berkahwin lain secara automatik mereka tidak akan mendapat penceن tersebut," katanya. Yew berkata pada tahun 2002 kerajaan dengan murah hati telah memberikan penceن tersebut kepada semua balu penjawat awam tidak kira sama ada mereka berkahwin lain atau tidak. "Ada kemungkinan balu tersebut tidak tahu mengenai undang-undang penceن seperti bila masa beliau layak terima dan bila masa tidak layak," katanya. Semalam Bernama menyiaran laporan mengenai seorang warga emas Sharifah Aminah, balu kepada seorang anggota polis Syed Omar Syed Yasin yang mendakwa tidak pernah menerima penceن suaminya sejak kematian suaminya itu kira-kira 50 tahun lepas. Aminah yang kini semakin uzur dan mengalami masalah kesihatan berharap supaya dipertimbangkan permohonan untuk mendapatkan imbuhan tersebut kerana sejak kematian suaminya itu dia hanya pernah menerima duit sagu hati sebanyak RM1,800 sahaja.



6 September 2011 (Selasa) - Ekonomi - Sasar RM1 bilion akhir tahun, Oleh NORLAILI ABDUL RAHMAN bisnes.utusan@gmail.com.my



Datuk Seri Jamil Bidin (dua dari kanan) menyertai Dialog Bersama Pengendali dan Pemaju Taman Halal serta pengendali logistik yang dipengerusikan Datuk Seri Mustapa Mohamed di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 6 Sept. – Halal Development Corporation (HDC) menasarkan 11 Taman Halal yang beroperasi di seluruh negara mampu menarik keseluruhan pelaburan sebanyak RM1 bilion menjelang hujung tahun ini. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Jamil Bidin berkata, sejak tahun 2005 sehingga sekarang, sejumlah RM6 bilion pelaburan telah diterima dengan RM4.6 bilion pelaburan asing dan bakinya adalah pelaburan tempatan. "Setakat ini, kita telah ada sembilan Taman Halal di seluruh Malaysia dan menjelang hujung tahun nanti, dua lagi dijangka siap iaitu di Terengganu dan Labuan," katanya di dalam sidang akhbar selepas menghadiri dialog di antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan pengendali dan pemaju swasta bagi Taman Halal serta pengendali logistik anjuran HDC di sini hari ini.

Dialog tersebut telah dipengerusikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed. Dalam pada itu, Jamil turut mengakui kesukaran untuk menarik minat pengilang terutamanya daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk beroperasi di Taman Halal walaupun kerajaan menawarkan pelbagai insentif menarik kepada mereka. Katanya, kekangan dari segi kewangan menjadi penghalang kepada PKS-PKS ini untuk berpindah dari lokasi asal mereka menjalankan perniagaan ke Taman Halal. Justeru, menurut Jamil, HDC memberi cadangan kepada pemaju dan pengendali taman-taman halal tersebut untuk membina kemudahan yang boleh dikongsi bersama seperti inkubator dan bilik sejuk beku boleh disewa oleh PKS-PKS dengan kadar berpatutan. "Dengan adanya kemudahan boleh kongsi ini, ia dapat meringankan beban syarikat-syarikat kerana mereka tidak perlu memiliki sendiri peralatan tersebut sebaliknya boleh dikongsi dengan pengusaha-pengusaha yang lain," ujarnya.

Jelas beliau, syarikat-syarikat yang beroperasi di Taman Halal layak untuk mendapatkan insentif pengecualian cukai selain pengecualian duti-duti yang lain. Malah HDC turut menyediakan program latihan berkaitan selain membantu syarikat-syarikat tersebut merancang aktiviti promosi dan pemasaran bagi menyediakan mereka sebagai sebuah syarikat pengeksport produk dan perkhidmatan halal. Menurut Jamil terdapat dua kategori taman halal iaitu Taman Halal berstatus Halal Malaysia (Halmas) dengan saiz lebih 40.47 hektar dan disediakan bagi projek yang lebih besar antaranya Hab Halal Selangor, Hab Halal Tanjung Manis serta Zon Halal PKFZ. Taman Halal bagi PKS pula adalah bersaiz kurang 40.47 hektar dan antaranya terletak di Pedas, Negeri Sembilan, Serkam, Melaka dan Pengkalan Chepa, Kelantan. Tambahan, setakat ini kesembilan taman halal tersebut telah berjaya menjana lebih 3,000 pekerjaan dengan lebih 100 syarikat beroperasi di situ.

KUALA LUMPUR 6 Sept — Struktur cukai eksport minyak sawit mentah (MSM) yang diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan Indonesia dijangka memberi kesan negatif kepada para penanam negara itu pada tahun 2012 dan 2013, kata Hwang DBS Vickers Research. "Para penanam Indonesia mempunyai dua opsyen sama ada menerima harga MSM lebih rendah atau membina satu kilang penapis bagi mengambil kesempatan daripada tebaran cukai itu," kata beliau dalam nota penyelidikan di sini hari ini. Hwang DBS Vickers Research juga berkata, para penanam dijangka mengambil masa lama untuk memutuskan dan membina keupayaan penapisan. "Dengan mengandaikan setiap kapasiti penapisan bernilai AS\$100 (yang termasuk tanah) satu tan metrik, kami mengandaikan pelaburan itu dijangka membiayai usaha secara tersendiri di dalam tempoh tiga tahun. "Sehubungan itu, berasaskan yang disatukan, jika sesuatu penanam hanya menapis 40 peratus daripada keluaran MSM secara keseluruhannya, kesannya masih lagi positif," katanya.

Syarikat penyelidikan itu juga menyatakan bahawa cukai eksport baharu yang berkuat kuasa 15 September 2012, tidak akan memberi kesan terhadap bekalan MSM global, kerana ia mempercayai penanam perlu menerima harga lebih rendah sehingga sebarang kapasiti penapisan tambahan siap membuat pengeluaran. Sementara itu, Hwang DBS Vickers Research berkata, harga MSM mungkin meningkat lebih tinggi daripada unjuran semasanya berikutan pengeluaran kacang soya AS yang lebih rendah daripada yang dijangka. Katanya, potensi peralihan penanaman dari kacang soya kepada jagung di Afrika Selatan bertujuan mengambil kesempatan daripada harga jagung lebih tinggi, akan menyumbang kepada peningkatan harga MSM. -Bernama.



MOHAMED Khaled Nordin (tengah) menyampaikan watikah kepada Paul Chan (dua dari kanan) pada majlis pelawaan naik taraf Kolej Universiti HELP kepada Universiti HELP di Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 6 Sept. - Kementerian Pengajian Tinggi sedang menjalankan kajian untuk melihat keperluan pertambahan beberapa buah lagi universiti baharu di negara ini. Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, langkah membangunkan kajian tersebut amat diperlukan untuk menjaga kualiti dan mengukuhkan sektor pengajian tinggi negara. "Nisbah universiti dengan populasi rakyat di negara ini adalah satu nisbah 400,000 dengan kadar aksesibiliti sebanyak 40 peratus berbanding di Amerika Syarikat (AS) dengan kadar satu nisbah 200,000. "Jadi, masih ada ruang untuk pertambahan beberapa universiti baharu berdasarkan nisbah tersebut," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pelawaan Naik Taraf Kolej Universiti HELP kepada Universiti HELP di sini, hari ini. Hadir sama, Presiden Kolej Universiti HELP, Datuk Dr. Paul Chan.

Mohamed Khaled berkata, kajian itu juga diadakan untuk melihat keperluan pembukaan cawangan kampus dari universiti luar negara yang kian cenderung ke Malaysia. Menurutnya, langkah itu adalah untuk memastikan universiti berkenaan membawa masuk program yang relevan untuk ditawarkan kepada para pelajar tempatan. "Pada masa sama, kita juga sedang melihat perkembangan universiti-universiti tempatan di peringkat antarabangsa," katanya. Beliau menambah, kajian itu secara tidak langsung dapat memberi strategi baharu kepada pihak kementerian untuk melahirkan tenaga modal insan yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam pada itu, beliau mengucapkan tahniah kepada Universiti Malaya (UM) kerana berjaya memasuki senarai 200 universiti teratas oleh QS World University Rankings untuk 2011. "UM yang berada di kedudukan ke-167 berbanding 207 tahun lepas perlu berusaha untuk mengekalkan kedudukan tersebut. "Dan untuk pertama kalinya juga Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknologi Mara tersenarai dalam senarai 600 universiti teratas," katanya.

8 September 2011 (Khamis) - Isu Lynas: 15% penjawat awam terpengaruh

KUANTAN 8 Sept. - Seramai 15 peratus kakitangan awam di negeri ini dipercaya terpengaruh dengan isu pembinaan kilang pemprosesan nadir bumi di Gebeng di sini yang dimainkan oleh pihak pembangkang. Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail berkata, perkara itu dikesan apabila terdapat segelintir kakitangan awam menampal pelekat 'Henti Lynas' di kenderaan masing-masing. Katanya, beliau sendiri melihat kakitangan terbabit menampal pelekat tersebut yang boleh dilihat di pekarangan Wisma Sri Pahang di sini. "Saya percaya petugas terbabit terpengaruh dengan dakyah berkenaan kerana maklumat sebenar mengenai pembinaan kilang tersebut yang dilaksanakan oleh Lynas Corporation Ltd. tidak sampai kepada mereka," katanya kepada pemberita di sini, hari ini. Beliau memberitahu, pihaknya akan membuat penerangan isu tersebut dari semasa ke semasa bagi mengelak mereka menerima fakta tidak tepat selain menyampaikan maklumat terkini. "Saya juga meminta penjawat awam yang mempunyai pandangan berhubung isu tersebut supaya membuat bantahan dengan cara betul melalui ketua jabatan masing-masing dan bukan menyertai perhimpunan haram," jelasnya. Kata beliau, sebarang pandangan atau bantahan mengenai isu tersebut boleh terus dihantar kepada beliau supaya perkara itu dapat dijelaskan dan diselesaikan dengan baik.

8 September 2011 (Khamis) - 60% pemilik lesen kenderaan perdagangan belum daftar

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Kira-kira 60 peratus atau 55,476 pengusaha kenderaan perdagangan masih belum mendaftar semula lesen mereka di bawah Program Pendaftaran Semula Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sehingga 1 September lalu. Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Albar berkata, pengusaha terlibat diminta berbuat demikian sebelum tarikh akhir 30 September ini. "Jika mereka masih gagal membuat pendaftaran semula sebelum tarikh ditetapkan itu, lesen akan terbatalkan dengan sendirinya," katanya pada Rumah Terbuka Aidilfitri di kediamannya di sini hari ini. Kira-kira 300 tetamu hadir pada majlis itu termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz; bekas Presiden MCA, Tun Dr. Ling Liang Sik serta kenamaan lain. Menurut Syed Hamid, SPAD tidak berhasrat untuk memanjangkan tempoh pendaftaran semula itu. "Saya tidak fikir kita perlu lanjutkan tarikh akhir kerana jika kita tangguhkan, pengusaha terlibat akan terus melengah-lengahkan untuk mendaftar semula lesen mereka," katanya. Tambahnya, SPAD telah menggunakan pakai beberapa kaedah bagi menggalakkan dan memudahkan pengusaha kenderaan perdagangan untuk mendaftar semula dalam program itu. "Kaunter bagi penyerahan borang pendaftaran semula akan dibuka setiap hari termasuk hujung minggu manakala pada hari biasa, kaunter akan dibuka sehingga pukul 7 malam," katanya.

8 September 2011 (Khamis) - FDI separuh pertama RM21b

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Malaysia mencatatkan lonjakan pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak 76 peratus kepada RM21.3 bilion bagi separuh pertama tahun ini berbanding RM12.1 bilion untuk tempoh yang sama tahun sebelumnya. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, peningkatan FDI itu disumbangkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan sebelas bulan lalu pada Oktober tahun lalu. "Ini jelas menunjukkan pelabur asing kian melihat kelebihan yang ditawarkan Malaysia. Ini terbukti apabila negara menunjukkan kemajuan dari segi pencapaian ekonomi dan peningkatan persepsi positif menurut Laporan Daya Saing Global oleh Forum Ekonomi Global. "Di antara 142 negara yang ditinjau, Malaysia telah berada di kedudukan lima lebih baik kepada 21 berbanding tangga 26 pada tahun lalu. Turut menggalakkan ialah ekonomi negara mendapat tempat kedua di ASEAN dan keenam di Asia Pasifik," katanya semasa berucap pada majlis perkembangan terkini ETP di sini hari ini. Tambah Najib yang juga Menteri Kewangan, pada tahun ini Malaysia juga telah mengatasi lima negara iaitu Emiriah Arab Bersatu, New Zealand, Korea Selatan, Luxembourg dan Israel. "Kemajuan Malaysia khususnya dalam institusi dan persekitaran makroekonomi telah meningkat sebanyak 12 kedudukan ke tangga 30 yang disumbangkan oleh prestasi kukuh dalam kekuatan perlindungan pelabur, pengurangan beban bagi peraturan kerajaan, keberkesanannya lembaga korporat dan perbelanjaan kerajaan berhemah."

'Program Transformasi Kerajaan (GTP) turut menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam kriteria untuk jenayah dan keganasan di mana kita telah naik ke kedudukan 63 iaitu peningkatan sebanyak 30 kedudukan dari tahun lalu. "Bagi jenayah terancang, Malaysia naik ke tangga 54 daripada kedudukan 77, di samping itu, keberkesanan perkhidmatan polis berada di tangga 39 iaitu peningkatan sebanyak 11 kedudukan berbanding tahun lalu," jelasnya. Sementara itu, Najib berkata, setakat ini sebanyak 84 peratus inisiatif yang telah diumumkan sedang dilaksanakan dengan 23 inisiatif siap beroperasi, 50 inisiatif bermula dan 14 inisiatif kerja-kerja sedang dijalankan sejak pelancaran ETP pada Ogos lalu.



10 September 2011 (Sabtu) - Masalah bekalan air estet dapat perhatian Noh Omar

BESTARI JAYA 10 Sept — Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, beliau akan memohon kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi penyaluran air bersih ke kawasan penempatan pekerja-pekerja ladang yang majoritinya kaum India di kawasan Parlimennya, Tanjung Karang. Beliau berkata, terdapat 14 estet di kawasan Parlimen itu dan antara masalah yang dihadapi oleh para pekerja ladang ialah bekalan air bersih. "Walaupun kerajaan telah mula membekalkan air bersih di kawasan ladang-ladang tetapi ladang-ladang di Parlimen Tanjung Karang bekalan air bersih masih belum sampai," katanya kepada media semasa melakukan lawatan susulan ke Ladang Mary dan Sungai Tinggi di sini hari ini. Beliau berkata, buat masa ini, bekalan air bersih kepada pekerja-pekerja Ladang Mary dan Sungai Tinggi disediakan oleh pihak pengurusan estet itu yang dimiliki oleh Kumpulan Berjaya. Noh berharap dengan bantuan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, air bersih dari paip utama dapat disambung ke dalam kawasan ladang dengan kerjasama pengurusan ladang untuk diagih-agihkan ke kediaman pekerja-pekerja supaya mereka dapat bekalan air bersih sepanjang masa.



13 September 2011 (Selasa) - MIDA lulus pelaburan RM31.7 bilion

KUALA LUMPUR 13 Sept. - Perbadanan Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) meluluskan pelaburan bernilai RM31.7 bilion sepanjang tempoh tujuh bulan pertama tahun ini. "Ia membabitkan operasi baharu dan pembesaran sedia ada," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mustapa Mohamed kepada pemberita sempena Persidangan CEO Global Forbes di sini hari ini. Beliau berkata, antara syarikat sedia ada di Melaka dan Pulau Pinang melabur sehingga RM1 bilion dan menambah bilangan pekerja masing-masing kepada 1,700 orang. Mengenai sasaran pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM55 bilion tahun ini, Mustapa berkata, MIDA selaku agensi promosi, berada pada kedudukan yang baik untuk merealisasikannya. "Prestasi kami baik sepanjang enam bulan pertama tahun ini. Kami sudahpun memperoleh kira-kira RM21.3 bilion, peningkatan kira-kira 76 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas," katanya.



18 September 2011 (Ahad) - RM80j bina kemudahan sukan

BEAUFORT 18 Sept. - Kerajaan telah membelanjakan kira-kira RM80 juta bagi membina kemudahan sukan termasuk kompleks sukan di negeri ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, dalam RMK-10, beberapa lagi kompleks serta prasarana sukan akan dibina bagi menyediakan kemudahan sukan terbaik di negeri ini. "Apa yang penting ialah kemudahan sukan dan rekreasi yang disediakan oleh kerajaan di seluruh negeri perlulah dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat. "Jadi meskipun sibuk dengan urusan dan tugas harian jangan lupa untuk meluangkan masa dalam aktiviti yang sihat seperti bersukan, berekreasi, berpersatuan dan sebagainya," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Kompleks Sukan Beaufort, di sini, semalam. Turut hadir, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Lajim Ukin. Menurut Musa, antara Kompleks Sukan baru yang telah siap dibina termasuklah Kompleks Sukan Beaufort, Kompleks Sukan Ranau dan Kompleks Sukan Sipitang.

Jelasnya, dalam tempoh RMK-9 juga kerajaan telah membina pelbagai kemudahan sukan seperti Taman Cabaran Belia di Kompleks Sukan Kota Kinabalu dan dewan serbaguna di Kompleks Sukan Kota Belud dan Tenom. "Begitu juga dengan kerja-kerja menaik taraf dan pembinaan kemudahan sukan baru seperti stadium hoki dan gelanggang boling padang di Kompleks Sukan Sandakan dan Keningau sempena Sukan Sabah (SAGA)," katanya. Dalam pada itu, beliau berkata, dalam RMK-10 kerajaan merancang membina kompleks Sukan Baru di Lahad Datu selain meneruskan pembinaan Kompleks Sukan Beaufort fasa kedua. Katanya, kerajaan juga akan membina asrama di Kompleks Sukan Ranau, Akademi Ragbi di Kompleks Sukan Kota Kinabalu dan kolam renang 50 meter bertaraf Olimpik serta kolam rekreasi di Kompleks Sukan Tawau. Sementara itu, beliau berharap, kewujudan pelbagai kemudahan sukan akan dapat menerapkan budaya bersukan dan amalan hidup sihat di kalangan masyarakat negeri itu. "Ia juga berupaya menjadi platform untuk mengukuhkan lagi semangat perpaduan, muhibah dan kerjasama dalam kalangan rakyat," ujarnya



20 September 2011 (Selasa) - Alam Maritim dapat kontrak RM22 juta

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Alam Maritim Resources Bhd, (Alam) melalui anak syarikat milik penuhnya, Alam Maritim (M) Sdn. Bhd. (Alam Maritim) menerima surat anugerah daripada sebuah syarikat minyak dan gas tempatan bagi penyediaan sebuah kapal biasa dengan harga kira-kira RM22.10 juta. Alam dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia hari ini berkata, kontrak itu bermula pada 24 Julai, 2011. "Tempoh utama adalah selama 28 bulan tanpa sebarang peruntukan khusus bagi lanjutan. "Kontrak itu dijangka memberikan sumbangan positif kepada pendapatan dan aset bersih kumpulan itu bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 dan seterusnya," kata Alam Maritim.



21 September 2011 (Rabu) - Hospital sengaja caj lebih didedah, Oleh Muhamad Amirul Afiq mastor pengarang@utusan.com.my



Bukti caj berlebihan apabila hanya empat alatan yang digunakan manakala yang lain adalah bagi menambah stok hospital.

seorang bekas doktor di hospital berkenaan yang kecewa tindakan pengurusan hospital tersebut mengambil cara mudah untuk membuat keuntungan dengan menekan pesakit. "Malah petugas hospital juga diarahkan agar mengenakan caj tambahan terhadap beberapa kelengkapan hospital yang kehabisan stok ke dalam akaun pesakit walaupun ia tidak digunakan pesakit terlibat. "Alatan seperti kapas, kain pembalut, jarum suntikan, tiub getah, sarung tangan dan sebagainya dimasukkan ke dalam bil menyebabkan pesakit seolah-olah 'membantu' menanggung kos hospital yang tidak sepatutnya," katanya yang enggan identitinya didedahkan di sini hari ini. Doktor tersebut yang telah mengenal pasti penipuan itu turut mengumpul bahan bukti dari 2007 bagi menguatkan dakwaannya itu. Menurutnya, bayaran tambahan lebih RM200 dikenakan terhadap pesakit terutama di bahagian kecemasan serta kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan insurans bagi membayar bil perubatan mereka. Katanya, lazimnya pesakit yang menggunakan insurans tidak mengambil tahu caj yang dikenakan hospital dan menyerahkan kepada pihak insurans menjelaskan bil mereka. "Keadaan itu menyebabkan pihak hospital mengambil kesempatan mengaut keuntungan bagi menanggung kos peralatan yang sepatutnya ditanggung oleh pihak hospital sendiri," katanya. Menurutnya, mereka yang menjadi mangsa ialah pesakit sendiri apabila caj yang dikenakan berlebihan dan tahap maksimum pembiayaan insurans pesakit akan berkurangan.

Kedaan itu juga katanya, akan menyebabkan pesakit terpaksa membayar sendiri caj perubatan sekiranya mendapatkan rawatan pada masa depan kerana insurans mereka telah mencapai tahap maksimum. "Itu baru di bahagian kecemasan yang hanya mengambil masa paling lama dua jam, belum lagi jika mereka terpaksa dimasukkan ke wad beberapa hari," katanya. Menurut doktor berkenaan, beliau mengetahui 'penipuan' tersebut apabila seorang pesakit di bawah kendaliannya yang menghidap gastrik terpaksa membayar caj berlebihan terhadap perkhidmatan yang tidak diperoleh seperti dua kotak kapas, pembalut luka, jarum suntikan, cadar dan sarung bantal yang tidak digunakan oleh pesakit di bahagian kecemasan. "Saya pernah berkhidmat di beberapa hospital lain seperti di Sunway, Tawakal, Ampang Puteri dan beberapa hospital lain namun kes seperti ini tidak pernah berlaku," katanya.



21 September 2011 (Rabu) - GAPS minta penjelasan Nor Mohamed, Oleh MUHAMAD ZAID ADNAN zaid.adnan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 21 Sept. – Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop digesa membuat penjelasan berhubung kewajaran pembelian saham membabitkan syarikat milik kerajaan (GLC). Pengerusi Gabungan Anti Penyelewengan Selangor (GAPS), Hamidzun Khairuddin berkata, sebagai bekas Menteri Kewangan II, Nor Mohamed perlu membuat penjelasan berhubung pembelian saham Eastern & Oriental (E&O) oleh Sime Darby Berhad (Sime Darby). Katanya, isu berkenaan semakin mendapat perhatian rakyat khususnya golongan peniaga kerana transaksi itu melibatkan sejumlah wang yang besar pada saat ketidaktentuan ekonomi ketika ini. "Justeru, beliau diminta supaya membuat penjelasan itu bagi memastikan transaksi berkenaan membawa keuntungan kepada kerajaan sebagai pemegang saham utama GLC berkenaan. "Apatah lagi jikalau keputusan itu dibuat berdasarkan kepada hubungan perniagaan mereka yang berkenaan dan bukan kerana kepentingan sebenar GLC," katanya kepada Buletin Utama TV3 malam ini. Hamidzun dalam pada itu berkata, GAPS juga menggesa GLC supaya tidak boros dalam tindakan membeli atau menjual saham ketika ekonomi sedang merudum ketika ini kerana ia memberikan implikasi kepada rakyat. Pada masa sama katanya, GAPS menggesa Nor Mohamed supaya memberi penjelasan kepada rakyat mengenai hubungannya dengan ahli perniagaan terkenal, Datuk Seri Kalimullah Hassan.



21 September 2011 (Rabu) - Selangor perlu jelaskan tujuan sebenar jual aset PKNS

SHAH ALAM 21 Sept. - Kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor didesak memberi penjelasan mengenai tujuan sebenar penjualan tiga aset milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang didakwa dibuat kepada sebuah syarikat pelaburan amanah. Ketua Penerangan Badan Perhubungan UMNO Selangor, Abdul Shukor Idrus berkata, penjualan tiga aset tersebut iaitu Kompleks PKNS di sini, Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) dan Menara PKNS di Petaling Jaya dilihat tidak wajar kerana ia menimbulkan pelbagai persoalan dan keraguan. Ini kerana, katanya, sejak diwujudkan pada 1964, perbadanan itu dilihat telah berjaya membangunkan negeri ini termasuk meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat selaras dengan matlamat penubhannya. "PKNS sejak 1964 dilihat tidak mengalami masalah sama ada dari segi pengurusan dan kewangan, malah ia mempunyai aset yang besar terutamanya dalam sektor hartanah. "Namun, sejak kerajaan negeri diambil alih oleh pembangkang, timbul pelbagai dakwaan membabitkan kelemahan pengurusan kewangan termasuk pembaziran membabitkan PKNS seperti dilaporkan oleh media sebelum ini. " Penjualan aset-aset ini sekiranya berlaku, kita tidak menolak kemungkinan akan menimbulkan banyak implikasi kepada PKNS selain membabitkan para peniaga yang menyewa ruang niaga khususnya di Kompleks PKNS," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini. Beliau mengulas laporan sebuah laman blog, <http://darulehsantoday.blogspot.com> yang mendakwa tiga bangunan yang menjadi kebanggaan PKNS dan rakyat Selangor yang dibangunkan hasil pentadbiran Barisan Nasional (BN) sebelum ini akan diambil alih oleh sebuah syarikat pelaburan amanah bermula Januari 2012. Selain pengambilalihan itu, PKNS juga melalui satu surat bertarikh 12 September 2011 kepada penyewa Kompleks PKNS Shah Alam akan menaikkan kadar sewa premis di pusat komersial itu termasuk akan menamatkan sewaan kepada mana-mana peniaga yang kurang berdaya saing. Abdul Shukor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuang tidak menolak kemungkinan penjualan aset-aset berkenaan akan memberi kesan kepada kadar sewa yang dikenakan kepada peniaga gerai di kompleks berkenaan yang sebelum ini dilihat agak

berpatutan. Kata beliau, sebagai sebuah anak syarikat kerajaan negeri, PKNS seharusnya mengembangkan sayapnya dengan meneroka lebih banyak peluang pembangunan negeri ini, bukannya melepas atau mengurangkan pegangannya dalam aset yang berpotensi dan berdaya saing. "Sekiranya benar dakwaan itu, kita melihat penjualan aset-aset tersebut adalah bermotifkan keuntungan semata-mata dan sudah tentu akan turut melibatkan kenaikan kadar sewa ruang niaga atau kos-kos lain bagi ketiga-tiga aset berkenaan. "Persoalannya, untung untuk apa dan kepada siapa sebenarnya. Bagaimana pula dengan matlamat sebenar penubuhan PKNS untuk meningkatkan sosio ekonomi rakyat Selangor. "Justeru, Menteri Besar (Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) yang juga Penggerusi PKNS perlu menjelaskan perkara ini," tegasnya.



21 September 2011 (Rabu) - KUB dapat kontrak bina landasan di KLIA2

KUALA LUMPUR 21 Sept. - KUB Malaysia Bhd. (KUB) berjaya dalam bidaannya untuk melaksanakan projek pembinaan landasan ketiga di KLIA2. Sumber berkata, kelulusan projek tersebut telah pun dibuat oleh Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB), baru-baru ini kepada anak syarikat KUB, KUB Builders Sdn. Bhd. Difahamkan, KUB kini hanya menunggu surat anugerah projek daripada MAHB. Kos pembinaan landasan ketiga yang bernilai lebih RM250 juta itu akan dibiayai sepenuhnya KUB, katanya. Pembinaan landasan kapal terbang itu adalah sepanjang 3.9 kilometer dan laluan tersebut akan bersambung dengan laluan 'taxiway'. Projek pembinaan laluan kapal terbang itu dipercayai merupakan bidaan tunggal KUB dalam projek KLIA2 yang menelan kos RM2 bilion. Sumber menambah, KUB Builders sudah bersedia melaksanakan projek tersebut pada bila-bila masa, sebaik sahaja mendapat surat anugerah itu. Katanya, projek berkenaan dijangka disiapkan dalam tempoh 16 bulan. Pengarah Urusan Kumpulan KUB, Datuk Mohd. Nazar Samad ketika ditanya mengenai perkara itu enggan mengulas lanjut. "Jika terdapat perkembangan baharu mengenai KUB, kalau ada saya akan beritahu," katanya semasa ditemui di majlis rumah terbuka sempena Sambutan Aidilfitri di sini hari ini. KLIA2 itu dijangka siap menjelang Oktober 2012. Lapangan terbang tambang murah (LCCT) terbaru itu mempunyai keluasan 60 peratus lebih besar daripada LCCT sedia ada dan mampu menampung 30 juta penumpang setahun.



22 September 2011 (Khamis) - Nor Mohamed nafi terlibat pembelian saham E&O, Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA

KUALA LUMPUR 22 Sept. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, pihak yang mengaitkannya dengan isu pembelian saham Eastern & Oriental (E&O) oleh Sime Darby Berhad (Sime Darby) adalah berniat jahat. Katanya, beliau tidak tahu menahu mengenai perkara itu, malah, tidak pernah terlibat langsung dalam isu berkenaan. "Saya tak ada kena mengena, saya bukan Menteri Kewangan, saya adalah menteri yang bertanggungjawab dalam Unit Perancang Ekonomi (EPU), ini berlaku semasa saya bukan lagi dalam Kementerian Kewangan," katanya selepas merasmikan Persidangan Bakat Antarabangsa anjuran Institut Pengurusan Malaysia (MIM) di sini hari ini.



22 September 2011 (Khamis) - KTMB terima unit tren elektrik baru

PELABUHAN KLANG 22 Sept. - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menerima unit pertama tren elektrik enam gerabak yang tiba di Pelabuhan Barat di sini hari ini. Tren yang dikenali sebagai 'Six-Car-Set' atau SCS itu diperolehi KTMB daripada syarikat ZhuZhou Electric Locomotives Co. Ltd. (ZELC) dari China sebagai antara usaha syarikat pengangkutan awam negara itu meningkatkan perkhidmatan tren kepada pengguna. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha yang menyaksikan ketibaan tren itu berkata, ia sampai ke negara ini kira-kira pukul 2 pagi ini manakala kerja-kerja menurunkannya bermula pukul 8 pagi dan selesai pada pukul 5 petang. Katanya, tren berkenaan merupakan sebahagian daripada 38 set baru gerabak tren elektrik KTMB hasil peruntukan yang disalurkan kerajaan di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang keenam iaitu menambah baik pengangkutan awam.

"Melalui inisiatif ini, sejumlah RM1.894 bilion telah diperuntukkan untuk membeli 38 set tren elektrik baru yang akan membantu meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan KTM Komuter. Semua 38 set tren SCS ini diterima secara berperingkat dan set-set terakhir dijangka diterima pada Mei depan," katanya. Tambah Cho Ha, kesemua set tren yang diterima perlu menjalani ujian operasi dan keselamatan sebelum boleh ditauliahkan sebagai selamat untuk beroperasi yang mana siri ujian akan mengambil masa antara satu hingga dua bulan bagi setiap set. Jelasnya lagi, set tren elektrik yang tiba di pelabuhan berkenaan seterusnya dibawa ke depot tren di Batu Gajah, Perak untuk menjalani siri ujian tersebut dan dijangka mula beroperasi pada Disember 2012. Cho Ha optimis dengan adanya tren elektrik baru itu akan membolehkan jadual waktu ketibaan tren dapat dipendekkan dari 30 minit kepada 10 minit.



24 September 2011 (Sabtu) - Pemuliharaan berasaskan RM?, Oleh Mohd. Hazli

Hassan

KALI ini ingin saya bercerita mengenai dua orang sahabat saya yang menjalankan program pemuliharaan marin tanpa mendapat bantuan dan promosi besar-besaran. Program yang dijalankan atas daya usaha sendiri itu sebenarnya bukan bermula semalam atau tahun lepas, ia dilakukan sejak tahun 2000 lagi. Lebih mengagumkan, usaha yang dijalankan mereka, biarpun kecil, berjaya menunjukkan keputusan yang agak baik dan sehingga kini usaha-usaha itu diteruskan. Saya mengutarakan perkara ini kerana sejak akhir-akhir ini banyak persatuan ditubuhkan untuk menjalankan usaha pemuliharaan alam sekitar dan alam marin. Seperti dua sahabat saya itu, saya juga menyantung usaha murni yang dijalankan persatuan-persatuan ini. Bukan apa, jika tidak kerana mereka, tidak ramai yang tahu mengenai program pemuliharaan yang dilakukan. Namun dalam 'kemerahan' program pemuliharaan di samping mendapat publisiti besar-besaran, saya terfikir apa akan terjadi jika mereka tidak diberi dana oleh mereka yang mempunyai kepentingan. Sebagai contoh jika ia dijalankan di satu-satu negeri, pastinya kerajaan negeri akan membayai kos program pemuliharaan itu. Saya cuba membayangkan jika kerajaan negeri tidak membayai program berkenaan, adakah persatuan-persatuan berkenaan akan meneruskan 'niat' mereka sama seperti dua sahabat saya?

Bukan menidakkan kos yang bakal dihadapi, namun saya melihat ada sesetengah persatuan pemuliharaan tidak lagi berpegang kepada prinsip *non profit organisation*. Malah, ada yang mengenakan yuran yang agak tinggi kepada peserta yang ingin menyertai program pemuliharaan yang dianjurkan mereka. Sudahlah mendapat pembayaran daripada kerajaan negeri mahupun agensi kerajaan berkaitan, tapi turut mengenakan caj yang yang tidak setimpal kepada peserta. Dan saya turut mendengar ada kerajaan negeri dan juga agensi kerajaan memberikan pembayaran yang 'agak besar' kepada persatuan ini untuk menjalankan aktiviti pemuliharaan yang dilihat tidak berapa menjadi. Dalam publisiti di dada akhbar, mereka dilihat bersungguh-sungguh mengatakan itu dan ini untuk mempertahankan alam sekitar daripada dicemari atau digangu. Namun, adakah kata-kata itu sama akan diungkapkan jika tidak mendapat pembayaran atau tiada publisiti yang diberi macam dua orang sahabat saya? Bukan menidakkan usaha yang dijalankan oleh mereka, namun mungkin segelintir daripada persatuan ini mempunyai agenda tersendiri atau cuba mencari keuntungan daripada 'kelalaian' kerajaan negeri atau agensi kerajaan. Jika ini berterusan, nampak gaya, pembayaran yang sepatutnya boleh diagih-agihkan kepada mereka yang menjalankan aktiviti sama bakal didominasi oleh segelintir persatuan sahaja.



25 September 2011 (Ahad) - Satelit disah jatuh di Lautan Pasifik, timur Afrika

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Agensi Angkasa Negara (Angkasa) hari mengesahkan satelit milik Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) telah jatuh di dua laluan utama yang dikenalpasti. Koordinator Observatori Negara Langkawi (ONL), Mhd. Fairoz Assillam berkata, dua laluan tersebut ialah di Lautan Pasifik dan timur Afrika. "Satelit yang pecah kepada 26 bahagian itu dipercayai telah terbakar dan bertaburan di dua kawasan tersebut semalam, tetapi waktu sebenar belum dapat dipastikan. "Kita cuma boleh mengesahkan waktu satelit tersebut masuki atmosfera bumi iaitu di antara jam 11.23 pagi dan 1.09 tengah hari (waktu Malaysia) semalam," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Menurutnya lagi, setakat hari ini belum ada mana-mana laporan serpihan satelit itu dijumpai atau mengorbankan orang awam dan mengalami kerosakan harta benda. Pada 21 September, Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (AS) dan NASA mengesan Satelit Penyelidikan Atmosfera Atas (UARS) seberat enam tan yang berisiko untuk jatuh ke bumi dan diramalkan jatuh pada hari Jumaat lalu. Tambah Mohd. Fairos, Malaysia antara negara yang terselamat daripada terkena serpihan itu kerana negara berada di laluan selamat. Mengulas tentang orang ramai diingatkan tidak mengambil dan menyentuh objek pelik berhubung serpihan satelit, beliau memberitahu, serpihan tersebut dikhuatiri sangat panas disebabkan terbakar. Selain itu, katanya, menurut *Standard Operating Procedur*, serpihan satelit itu mungkin mempunyai radiasi yang tidak dikenal pasti memandangkan sudah lebih 15 tahun di angkasa lepas.



25 September 2011 (Ahad) - GMP: Kaji dasar kurnia tanah UPSI

IPOH 25 Sept. - Gagasan Melayu Perak (GMP) meminta kerajaan negeri mengkaji syarat pengurniaan tanah seluas 33.5 hektar oleh Almarhum Sultan Idris Mursidul Adzam Shah kepada Kolej Latihan Sultan Idris (SITC) di Tanjung Malim. Presidennya, Datuk Seri Mohd. Hilmi Ismail berkata, beliau percaya Sultan Idris mengurniakan tanah itu dengan harapan agar anak Perak diberikan keistimewaan dari segi bilangan pelajar dan pensyarah di kolej yang kini telah dinaik taraf sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). "Kita dapat sekarang bilangan anak-anak Perak di UPSI terlalu kecil jika dibandingkan dengan pelajar dari luar negeri ini. Malah, sejak ditubuhkan, tiada langsung Naib Canselornya yang terdiri daripada anak Perak. "Untuk berlaku adil kepada pengurniaan tanah itu, kita minta kerajaan negeri dan Persatuan Sejarah Malaysia Perak mengkaji permintaan Sultan Idris ketika baginda menyerahkan tanah peribadi baginda itu untuk dibina SITC. Sudah pasti dokumen mengenainya wujud," katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Mesyuarat Agung Tahunan Kedua GMP di Dewan Serbaguna Kompleks Belia dan Sukan Perak di sini hari ini. Mohd. Hilmi juga meminta pihak tersebut supaya mengembalikan peranan UPSI sebagai pusat pengembangan semangat nasionalisme Melayu dan kebangsaan seperti dimainkan oleh SITC suatu ketika dahulu. Beliau berkata, SITC telah melahirkan ramai tokoh-tokoh hebat seperti Tun Ghafar Baba, Tun Abdul Rahman Abbas, Datuk Abdul Rahman Talib dan Ibrahim Yaacob. "Semasa saya menjadi Ahli Lembaga Pengarah UPSI selama enam tahun, saya sudah menyuarakan supaya semangat SITC dikekalkan dan terus disuburkan di UPSI," katanya. Dalam pada itu, Mohd. Hilmi menggesa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Melayu membuat desakan menuntut hak-hak Melayu kepada kerajaan seperti yang dilakukan NGO bukan Melayu melalui gerakan Bersih 2.0. Beliau berkata, perubahan yang dibuat oleh kerajaan seperti menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) serta mengkaji akta-akta lain sedikit sebanyak berpunca daripada desakan Bersih 2.0 di samping faktor globalisasi dan liberalisasi. "GMP berasa kurang senang dan sedih apabila pimpinan Melayu yang memerintah ibarat menyusukan kera di hutan manakala anak di rumah diberikan tuba," ujarnya.



26 September 2011 (Isnin) - Kementerian Kesihatan siasat dakwaan aktiviti perdagangan organ

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak polis akan menyiasat dakwaan bahawa hospital di Malaysia terbabit dalam aktiviti perdagangan buah pinggang secara haram. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Hasan Abdul Rahman berkata, kementerian memandang serius perkara itu yang dilaporkan oleh akhbar tempatan iaitu *The Sun*, *The Star* dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (*Bernama*). Dalam usaha mengawal kegiatan itu jelasnya, kementerian sedang merangka undang-undang baru pemindahan organ yang lebih komprehensif. "Pembedahan buah pinggang di negara ini hanya dilakukan di beberapa hospital iaitu Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, Pusat Perubatan Universiti Malaya dan beberapa hospital swasta di Lembah Klang. "Dakwaan bahawa perdagangan organ yang melibatkan orang asing di hospital di negara ini adalah tidak munasabah dan jika benar mereka tidak terkecuali daripada menerima tindakan undang-undang," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini. Laporan berkenaan menyebut penderma yang berasal dari Bangladesh dibawa ke Asia Tenggara untuk tujuan menjual buah pinggang mereka. Hasan berkata, Malaysia mempunyai lebih 22,000 pesakit peringkat kronik (ESRF) yang menerima terapi penggantian buah pinggang dan sejumlah besar daripada mereka turut mendapat manfaat daripada pemindahan organ itu.

"Pemindahan buah pinggang adalah rawatan terakhir, namun pesakit masih boleh terus hidup dengan menjalani rawatan dialisis. Justeru, kementerian melaksanakan pelbagai usaha untuk menggalakkan pendermaan organ namun masih tidak mencukupi penderma yang tidak mempunyai hubungan keluarga dengan pesakit perlu mendapat penilaian dan kelulusan oleh *Unrelated Transplant Approval Committee* yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kesihatan. "Sehubungan itu, dakwaan pemindahan buah pinggang daripada warga zasing yang tidak mempunyai pertalian (dari Bangladesh) perlu mendapat kelulusan daripada kementerian terlebih dahulu. Berdasarkan rekod kami tidak ada sebarang permintaan atau permohonan seperti itu," katanya.



26 September 2011 (Isnin) - Pesawat MiG-29 tidak ditukar, Oleh FARABI SHEIKH SAID ALJABRI utusanN9@utusan.com.my



DR. AHMAD Zahid Hamidi menandatangani plak sempena perasmian Kompleks Mutiara Pernama di Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Negeri Sembilan, semalam. Turut hadir, Panglima Tentera Darat Jeneral Datuk Zulkifli Zainal Abidin (kiri), Pengurus Pernama, Jeneral (B) Tan Sri Mohamed Hashim Ali serta Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin (empat, kanan).

TAMPIN 26 Sept. - Rancangan pembelian aset baru bagi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) termasuk menggantikan pesawat pejuang MiG-29 belum dapat

diputuskan dalam tempoh terdekat ekoran masalah kekangan kewangan yang dihadapi oleh kerajaan. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, keputusan untuk menukar pesawat ketenteraan itu dan juga aset pertahanan lain hanya akan dapat dilakukan apabila keadaan ekonomi mengizinkan. "Kita menyedari tempoh perkhidmatan 10 pesawat MiG-29 buatan Rusia yang diguna oleh TUDM sudah tamat tempohnya, namun tiada cadangan bagi menukaranya dalam masa terdekat. "Bagi pihak kementerian, kita memahami kerajaan perlu mengutamakan perkara lain. Namun buat masa ini kita melihat ada keperluan lain dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) berbanding isu penambahan aset," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Mutiara Pernama di Kem Syed Sirajuddin di sini hari ini. Bagi mengatasi perkara itu, beliau menjelaskan, TUDM dan kementerian sedang menjalankan kajian terperinci mengenai pesawat tempur pelbagai guna (MRCA) yang sesuai untuk menukar MiG-29. Namun katanya, kementerian tidak meletakkan sasaran tempoh masa terhadap proses penukaran aset pertahanan berkenaan. Mengenai Kompleks Pernama, Ahmad Zahid memberitahu, pembukaan kompleks berharga RM10 juta yang dibina di atas tapak seluas 0.65 hektar di kem tersebut bakal memberi keselesaan kepada warga kem mendapatkan barang keperluan pada harga lebih murah. Kompleks itu menyediakan 22 ruang meliputi tapak perniagaan termasuk pasar raya Pernama, kedai gunting rambut, kedai jahit serta kedai basikal. Kata Ahmad Zahid, rangkaian kedai Pernama menjual 370 barang pada harga lebih murah berbanding harga pasaran ekoran subsidi RM5 juta yang diperuntukkan kerajaan setiap tahun.



26 September 2011 (Isnin) - Peguam Negara perlu siasat isu dua transaksi

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Peguam Negara perlu menyiasat sama ada berlaku transaksi dalam berhubung isu pembelian saham Eastern & Oriental (E&O) oleh Sime Darby Bhd. (Sime Darby) dan Malaysia Airlines (MAS) dengan Air Asia. Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Syed Ali Alhabshee berkata, sekiranya transaksi dalam itu benar-benar wujud, tindakan segera perlu diambil memandangkan perkara itu kini menjadi perhatian umum. "Tindakan itu perlu bagi menjaga kepentingan dan kredibiliti syarikat-syarikat senaraian awam dan Suruhanjaya Sekuriti (SC), selain menjadi perhatian pelabur asing kerana melibatkan tokoh korporat tempatan," katanya dalam entri terbaru di blognya di <http://umnobahagiancheras.blogspot.com/> hari ini.

Syed Ali berkata, Pengerusi E&O, Datuk Azizan Abd. Rahman juga wajar melepaskan jawatan dalam semua syarikat senaraian awam bagi mengelak timbulnya konflik kepentingan. Azizan kata beliau, wajar berbuat demikian memandangkan isterinya, Tan Sri Zarina Anwar adalah Pengerusi SC. "Adalah tidak munasabah Azizan dilantik dalam mana-mana syarikat yang tersenarai kerana ia pastinya mencetuskan konflik kepentingan peribadi," ujarnya. Dalam perkembangan berkaitan, Syed Ali turut mempersoalkan tindakan Datuk Seri Kalimullah Masheerul Hassan dan Datuk Azman Yahya yang didakwa meminta Presiden Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (KITA), Datuk Zaid Ibrahim menutup mulut dalam isu tersebut. Katanya, Kalimullah dan Azman perlu menjelaskan tindakan itu memandangkan Zaid serta Pengerusi KITA Kedah, Zamil Ibrahim adalah individu yang bertanggungjawab membangkitkan perkara tersebut. "Selain memberikan penjelasan, mereka juga perlu meminta maaf kepada Zaid dan Zamil," katanya.



26 September 2011 (Isnin) - Umur persaraan pekerja sektor swasta 64 tahun

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Kerajaan sedang menggubal undang-undang baru bagi menaikkan had umur persaraan pekerja sektor swasta sehingga 64 tahun dengan had bersara mandatori 60 tahun. Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Abdul Halim Mansor berkata, di bawah undang-undang baru itu seseorang pekerja hanya akan bersara apabila mencapai usia 60 tahun dan jika khidmatnya masih diperlukan, pekerja terbabit boleh dilanjutkan perkhidmatan selama empat tahun lagi. "Saya sebagai salah seorang ahli jawatankuasa teknikal mewakili MTUC yang mengkaji rang undang-undang tersebut telah menyerahkan kajian kami kepada Kementerian (Kementerian Sumber Manusia) untuk didrafkan dan ia dijangka diluluskan sebelum tahun depan," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini. Jelas Abdul Halim, Rang Undang-Undang Umur Persaraan Minimum Swasta itu diharap dapat memberi manfaat kepada lebih enam juta pekerja di negara ini dan MTUC mahu aspek kebijakan dan ganjaran pekerja turut diambil kira. Justeru, MTUC menggesa kerajaan memasukkan soal ganjaran dan kebijakan pekerja apabila undang-undang tersebut diperkenalkan kelak. "Kami akan meminta kerajaan mengambil kekurangan yang ada dalam Akta Kerja apabila undang-undang umur persaraan sektor swasta diperkenalkan," ujarnya. Dalam perkembangan lain jelasnya, MTUC akan melancarkan pikei di hadapan bangunan Parlimen pada hari pertama persidangan iaitu 3 Oktober ini sekiranya kerajaan meneruskan rancangan meminda undang-undang buruh sedia ada. Abdul Halim berkata, ini kerana pindaan tersebut sekiranya diluluskan akan membenarkan Sistem Kontraktor Pekerja yang pernah digunakan sebelum merdeka diamalkan semula. "Walaupun sesi Parlimen kali ini memfokuskan perbahasan mengenai Bajet 2012, namun beberapa rang undang-undang dijadual dibahaskan. "Sekiranya lulus, pindaan tersebut akan merugikan pekerja dari segi kebijakan mereka dan menjaskannya masa depan kesatuan sekerja di negara ini," katanya.



26 September 2011 (Isnin) - 41 IPTS dikompaun hampir RM1 juta lakukan pelbagai kesalahan

JOHOR BAHRU 26 Sept. - Sebanyak 41 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini dikenakan kompaun membabitkan jumlah hampir RM1 juta oleh Kementerian Pengajian Tinggi kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta IPTS 1996 (Akta 555) sehingga September tahun ini. Timbalan Menterinya, Datuk Dr. Hou Kok Chung berkata, denda RM185,000 pula dikutip bagi kes pendakwaan yang melibatkan pelbagai kesalahan. Beliau berkata, kompaun dan denda tersebut melibatkan kesalahan mengeluarkan iklan yang mengelirukan bakal penuntut, mengendalikan kursus tanpa kelulusan serta memindahkan premis tanpa sebarang notis. "Di Johor sendiri, terdapat dua buah IPTS dikompaun manakala sebuah lagi didenda atas kesalahan di bawah Akta IPTS 1996 (Akta 555). "Angka tersebut bukanlah sesuatu yang hendak dibanggakan sebaliknya menjadi harapan supaya jumlah itu dapat dikurangkan sebagai salah satu usaha untuk merealisasikan impian menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan IPTS Zon Selatan di sini, hari ini. Majlis yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pengurusan IPTS, Datin Profesor Dr. Ir. Siti Hamisah Tapsir itu merupakan acara tahunan dan zon selatan menjadi destinasi penutup bagi sesi jelajah tahun ini. Menurut Kok Chung, pihak kementerian menggunakan media massa terutamanya akhbar pada setiap Sabtu dan Ahad dalam menyampaikan mesej berbentuk iklan bagi mendidik orang ramai berhubung perkara yang wajar diteliti sebelum memilih IPTS.

Selain itu, ia sebagai salah satu usaha ke arah mengurangkan statistik IPTS yang dikenakan kompaun. Iklan tersebut juga memberi panduan segera tentang apa yang harus disemak atau diketahui oleh seseorang apabila memilih sebuah IPTS bagi menjamin masa depan dan kualiti pendidikan yang diterima nanti," katanya lagi.



26 September 2011 (Isnin) - Rumah: Syarat baru lebih ketat, Oleh ROSLAH OTHMAN kota@utusan.com.my



Chor Chee Heung (dua dari kanan) menyaksikan Abu Bakar Hassan menyerahkan kunci replika kepada Pengerusi Wakil Persatuan Pembeli Flat Prima Hijau, Yee Pon Yoon sambil diperhatikan oleh Lee Mok Fong dalam majlis di Taman Prima Hijau, Rawang, Selangor, semalam.

RAWANG 26 Sept. – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sudah bersedia untuk membentangkan di Dewan Rakyat cadangan syarat-syarat baru yang lebih ketat bagi mengurangkan kes projek perumahan terbengkalai. Menterinya, Datuk Chor Chee Heung berkata, ia sebagai usaha penambahbaikan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 yang akan turut merangkumi penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap pemaju perumahan bagi menjamin dan melindungi kepentingan pembeli rumah. Katanya, antara lain, pihaknya akan mencadangkan agar pemaju meletakkan wang deposit tiga peratus dari keseluruhan nilai projek yang akan dibangunkan. "Ketika ini pemaju hanya perlu meletakkan wang deposit sebanyak RM200,000 dan mempunyai sebidang tanah sebelum lesen dikeluarkan. "Dengan pindaan baru ini jika projek tersebut dilihat mempunyai masalah, wang deposit tersebut akan digunakan untuk menampung masalah itu," katanya selepas majlis penyerahan kunci rumah projek perumahan terbengkalai di Taman Prima Hijau, di sini hari ini. Cadangan lain, katanya, mulai tahun 2015 pemaju mesti menyiapkan terlebih dahulu rumah sebelum boleh dijual. Pihaknya juga sedia mempertimbangkan kaedah lain seperti pembeli membayar deposit 10 peratus dan baki 90 peratus lagi diselesaikan setelah rumah siap, selain memperkenalkan kaedah transaksi antara pemaju dan pihak insurans.

"Sebagai contoh syarikat insurans boleh menjadi penjamin kepada pembeli yang telah membuat bayaran perumahan, jika pembeli sudah membayar 40 peratus daripada keseluruhan nilai rumah dan pemaju tidak lagi mampu meneruskan projek berkenaan wang akan dikembalikan oleh syarikat insurans," katanya. Katanya lagi, kementeriannya juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan di bawah Kanun Keseksyen kepada pemaju yang mengingkari perjanjian sehingga mengakibatkan pembeli menanggung kerugian dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah. Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan) KPKT, Datuk Yeo Heng Har, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Abu Bakar Hassan serta Pengarah Urusan Trans Eco Development Sdn Bhd, yang dilantik sebagai pemaju penyelamat perumahan Taman Prima Hijau, Lee Mok Fong. Beliau berkata, Taman Prima Hijau merupakan projek yang telah diisyiharkan terbengkalai sejak 31 Disember 2006 melibatkan 54 unit rumah dengan 47 pembeli. Bagaimanapun dengan usaha dan kerjasama semua pihak, projek ini dapat dipulih dan disiapkan dan mendapat Sijil Layak Menduduki (CFO) dalam tempoh 11 bulan.



26 September 2011 (Isnin) - 152,000 bersara 'miskin'

PETALING JAYA 26 Sept. - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mendedahkan seramai 152,000 pencarum yang akan bersara wajib tahun ini memiliki simpanan persaraan kurang daripada RM50,000. Jumlah simpanan itu adalah di bawah paras caruman minimum yang disasarkan kerajaan iaitu sebanyak RM120,000. Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Tan Sri Azlan Zainol berkata, pihaknya turut mendapati golongan pencarum tidak aktif berusia 54 tahun yang mempunyai baki simpanan purata serendah RM23,000, tahun lalu, tiga kali ganda lebih ramai berbanding jumlah pencarum aktif lain. Katanya, jumlah simpanan yang rendah itu dikhawatir menyebabkan individu terbabit akan hidup di bawah paras kemiskinan apabila bersara.

Beliau berkata, golongan yang mempunyai simpanan kurang RM50,000 itu meliputi 73 peratus pencarum KWSP dalam kategori pencarum tidak aktif. Katanya, hanya 17 peratus daripada pencarum kumpulan ini mempunyai simpanan di dalam KWSP melebihi RM100,000 sewaktu bersara nanti. "Selain itu, ramai juga pencarum yang membelanjakan wang persaraan terlalu cepat sehingga menyebabkan mereka tergolong di bawah paras kemiskinan dalam tempoh yang singkat," ujarnya. Tambah Azlan, dalam kajian KWSP pada 2003, pihaknya mendapati sebanyak 14 peratus daripada pencarum menghabiskan simpanan dalam tempoh tiga tahun selepas persaraan. Katanya, sebanyak 50 peratus pencarum lagi didapati menghabiskan simpanan dalam tempoh lima tahun dan 70 peratus dalam tempoh 10 tahun. "Kadar purata jangka hayat penduduk Malaysia dijangka terus meningkat sehingga 75 tahun berbanding 60 tahun. "Sehubungan itu, setiap individu perlu mempunyai caruman dalam tempoh 20 tahun sewaktu dalam tempoh perkhidmatan," ujarnya.



26 September 2011 (Isnin) - Ekonomi - Berita baik pembayar cukai, Oleh MASLINDA MASSERI Pengarah Eksekutif, KPMG Tax Services Sdn. Bhd.

Tiba sahaja bulan Oktober, kita mesti teruja dengan apa yang bakal dibentangkan di bawah Bajet Tahunan Negara. Bajet 2012 yang akan dibentangkan pada 7 Oktober 2011 juga tiada bezanya. Ramai pembayar cukai yang mengharapkan agar cadangan-cadangan yang akan diusulkan sedikit sebanyak mengurangkan tanggungan cukai mereka. Ini dilihat memberi impak kepada pendapatan yang dibawa pulang dan lebihan wang tersebut dapat digunakan untuk menabung atau menampung kos saraan hidup yang sedang meningkat. Umum mengetahui Kerajaan amat prihatin terhadap rakyat yang berpendapatan rendah. Banyak usul di dalam bajet yang terdahulu dicadangkan dengan mengambil kira golongan ini. Sudah tentu ini adalah satu perkara yang amat wajar. Bagi individu-individu yang berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan membayar cukai pendapatan, sudah tentu mereka juga mengharapkan Kerajaan turut prihatin terhadap kedudukan mereka terutamanya dengan peningkatan kos saraan hidup ketika ini. **Pelepasan cukai**. Sudah tiba masanya kerajaan menganalisis sama ada pelepasan cukai yang diberikan pada masa ini masih bertepatan atau mencukupi. Sekiranya diamati Borang retan bagi seseorang pembayar cukai individu, terdapat 22 pelepasan cukai yang boleh dituntut. Antara pelepasan cukai yang harus mendapat tumpuan oleh kerajaan di dalam Bajet 2012 adalah:-

Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan insurans nyawa - Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan insurans nyawa diberi pelepasan cukai tetapi dihadkan kepada RM6,000. Pada tahun lalu, Kerajaan telah merombak pelepasan di atas dengan membenarkan caruman yang dibuat kepada Dana Pencen Swasta turut mendapat pelepasan cukai. Caruman kepada Dana Pencen Swasta ini dilihat sebagai satu langkah yang bijak terutamanya bagi mereka yang bekerja sendiri untuk memastikan bahawa hari tua mereka terjamin. Namun, sekiranya tahap caruman kepada KWSP dan insurans nyawa telah mencapai tahap maksimum iaitu RM6,000, caruman tambahan ini tidak diambil kira untuk tolakan cukai. Tahun terakhir had tuntutan dikaji adalah 2004 semasa had caruman ditingkatkan kepada RM6,000 daripada RM5,000. Sekiranya, had tuntutan ini dikaji semula di dalam Bajet 2012 dan ditingkatkan lagi, maka sudah tentu pembayar cukai yang mana mencarum kepada KWSP dan insurans nyawa melebihi RM6,000 akan menerima faedah.

Pelepasan berkenaan dengan anak serta ibu bapa - Kerajaan mengiktiraf bahawa menjaga generasi terdahulu dan masa akan datang melibatkan kos yang tinggi terutamanya di mana ibu bapa atau anak tersebut memerlukan penjagaan khusus atau kurang upaya. Oleh itu, pelbagai pelepasan cukai diberikan untuk tujuan tersebut untuk meringankan bebanan. Pelepasan-pelepasan cukai ini termasuklah perbelanjaan perubatan ibu bapa yang dihadkan kepada RM5,000, perbelanjaan bagi peralatan sokongan asas untuk diri, isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya yang dihadkan kepada RM5,000, perbelanjaan perubatan penyakit yang sukar diubati untuk diri, isteri dan anak yang dihadkan kepada RM5,000, kos pemeriksaan penuh untuk diri, isteri dan anak yang dihadkan kepada RM500 serta caruman insurans untuk pendidikan dan perubatan untuk diri, isteri dan anak yang dihadkan kepada RM3,000. Turut diberikan adalah pelepasan untuk anak yang berada di bawah tanggungan. Untuk menuntut pelepasan-pelepasan di atas, kecuali pelepasan untuk anak di bawah tanggungan, pembayar cukai harus menyimpan resit-resit serta mendapat perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan. Ini mungkin menyukarkan pembayar cukai kerana resit-resit ini perlu disimpan untuk tempoh masa enam tahun. Pelbagai pelepasan untuk dituntut juga mungkin mengelirukan. Umum sedia maklum bahawa kos perubatan dan pendidikan di Malaysia juga turut mengalami peningkatan lewat ini.

Apatah lagi, kos-kos perubatan bagi penyakit yang kritikal dan memerlukan penjagaan khusus. Kita bukan sahaja mahu menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi, malahan mahu terus mengekalkan adat timur kita di dalam menjaga keluarga. Barangkali, untuk memudahkan tuntutan pelepasan untuk anak dan ibu bapa di bawah tanggungan seseorang pembayar cukai, Kerajaan boleh mengkaji untuk memperkemaskan pelepasan-pelepasan yang ada. Kemungkinan juga, kaedah tuntutan juga boleh dipermudahkan dengan menetapkan peratusan sebagai contoh 35 peratus daripada apa yang telah dibelanjakan setahun.

Pembelian buku, majalah, jurnal dan penerbitan - Beberapa tahun lalu, Kerajaan telah memberarkan pelepasan cukai ke atas pembelian buku, majalah, jurnal dan penerbitan untuk menggalakkan budaya membaca. Langkah ini disambut positif oleh ramai pihak terutamanya pembayar cukai yang mempunyai anak yang masih bersekolah ekoran tuntutan pelepasan juga boleh dibuat ke atas buku-buku sekolah yang dibeli. Oleh itu, jumlah pelepasan yang dihadkan kepada RM1,000 perlu dinaikkan agar inisiatif ini terus memberi kesan.



27 September 2011 (Selasa) - Kementerian Kewangan ambil-alih ICT

PULAU PINANG 27 Sept. - Anak syarikat Kementerian Kewangan, JKP Sdn. Bhd. akan mengambil-alih pengurusan Island College of Technology (ICT) di Balik Pulau di sini selewat-lewatnya November ini. Penasihat Khas Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Zainal Abidin Osman berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah memberi persetujuan dua bulan lalu bagi membolehkan proses pindah milik itu dijalankan. Menurut Zainal Abidin yang juga Penggerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, peralihan tersebut amat penting dalam merealisasikan impian ICT untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi swasta bumiputera bertaraf kolej universiti tidak lama lagi. "Sebelum ini, UMNO negeri telah beberapa kali menulis surat kepada kerajaan Pusat meminta supaya kolej ini diambil alih oleh syarikat milik kerajaan (GLC) supaya dapat memberi peluang lebih ramai kepada golongan bumiputera melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. "Alhamdulillah. Dua bulan lalu, Perdana Menteri memberi persetujuan. Semua pihak kini bersetuju untuk menamatkan rundingan yang telah dijalankan. Nampaknya, dalam satu atau dua bulan lagi, kolej ini akan menjadi milik penuh JKP Sdn. Bhd. yang merupakan pemegang saham utama," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena majlis perasmian Konvokesyen ke-11 ICT di sini baru-baru ini. Pada majlis itu, seramai 190 graduan menerima skrol masing-masing daripada Zainal Abidin dengan disaksikan Presiden kolej berkenaan, Datuk Siti Mazenah Saat. Mereka terdiri daripada 44 graduan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan; 123 graduan Diploma Pengurusan; 24 graduan Diploma Komunikasi dan dua graduan Sijil Pengurusan Perniagaan.



30 September 2011 (Jumaat) - Kabinet bincang jadikan Hospital Serdang sebagai Hospital UPM

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Cadangan untuk menjadikan Hospital Serdang sebagai hospital pengajar bagi Universiti Putra Malaysia (UPM) akan dibincangkan di peringkat Kabinet, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin. Beliau berkata, difahamkan Kementerian Pengajian Tinggi telah pun menyiapkan kertas kerja mengenai perkara itu untuk dibentangkan dalam waktu terdekat. "Tidak dinafikan perkara itu adalah penting untuk UPM, tetapi buat masa ini perlu dikaji dengan teliti. Kalau hendak bina baru melibatkan kos yang tinggi dan kalau diambil alih apa pula kesannya," katanya semasa berucap sempena lawatan kerja ke UPM di sini hari ini. – Bernama.



Dari kiri: Azman Sa'ad, Khairudin Abd. Rahman, Adnan Yaakob, Nur Jazlan Mohamed, Ahmad Nazim Abd. Rahman dan Pengurus Besar Kanan Uda Land dan Uda Urban, Shytul Shahryn Mohamad Shaari selepas memeterai MoU antara Uda Holdings bersama PASDEC Corporation di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 30 Sept. - UDA Holdings Bhd. dan Pasdec Corporation Sdn. Bhd. (Pasdec) bekerjasama untuk melakukan kajian kewajarlaksanaan bagi projek pembangunan harta tanah di atas tanah seluas 61.4 hektar bernilai RM45 juta di Bukit Tinggi, Bentong, Pahang. Pengerusi UDA Holdings Bhd., Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, pasukan perunding itu akan melaksanakan kajian yang melibatkan tanah milik Pasdec seluas 36.62 hektar dan bakinya dimiliki oleh UDA Holdings yang terletak bersebelahan. " Tanah tersebut akan dibangunkan secara komersial namun bentuk pembangunan masih lagi dalam kajian. Kami akan melantik pasukan perunding dalam tempoh sebulan dari sekarang," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan pemeteraan memorandum persefahaman (MoU) dengan Pasdec di sini hari ini. Turut hadir adalah Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob yang juga Pengerusi Pasdec Holdings Bhd., Naib Presiden Kanan Pasdec Holdings Bhd. (Hartanah), Azman Sa'ad, UDA Holdings diwakili oleh Ahli Lembaga Pengarahnya, Ahmad Nazim Abd. Rahman manakala Pasdec diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Khairuddin Abd. Rahman bagi menandatangi MoU tersebut.

Memorandum yang sah selama dua tahun itu akan membolehkan kedua-dua pihak menilai jenis pembangunan, kos projek dan nilai pembangunan kasar projek (GDV) yang akan dibangunkan kelak. Menurut Jazlan, tapak projek tersebut merupakan lokasi strategik kerana ia berhampiran dengan kawasan pusat peranginan selain terletak kira-kira 40 kilometer daripada pusat bandar raya Kuala Lumpur. "Kami mahu membangunkan dan menjadi pemangkin kepada kehadiran pengunjung ke kawasan tersebut. Setakat ini pengunjung hanya pergi ke kawasan peranginan tersebut untuk bercuti namun mungkin kami akan membina pusat latihan pula bagi menarik lebih ramai orang ke sana. Kami melihat kepada idea-idea sebegini," katanya lagi. Kerjasama pertama di antara UDA Holdings dan Pasdec itu dijangka menjadi perkongsian menguntungkan kedua-dua pihak daripada segi pengalaman, kepakaran dan maklumat selain mampu menyumbang kepada sosio-ekonomi penduduk setempat. Malah, Adnan semasa ucapannya berkata, Pasdec sememangnya perlu bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang mempunyai pengalaman luas di dalam bidang ini untuk mengukuhkan lagi syarikat milik negeri Pahang itu.

KUALA LUMPUR 30 Sept. - UDA Holdings Bhd. dan Pasdec Corp Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Pasdec Holdings Bhd., hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk bersama-sama melaksanakan pembangunan komersial di kawasan seluas 60 hektar di Bukit Tinggi, Bentong, Pahang. Pengerusi UDA Holdings Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, melalui kerjasama berkenaan, tanah tersebut akan dimajukan pada skala komersial. Bagaimanapun, bentuk pembangunan berkenaan masih dalam kajian, katanya. "Kami mempunyai idea mengenai apa yang akan dilakukan, projek tersebut mungkin tidak komersial sepenuhnya dalam jangka pendek, (tetapi) terdapat potensi, masa yang sesuai dan tanah boleh dimajukan. "Malah jika projek itu tidak mewujudkan nilai komersial dengan pembayaran balik segera, kami mungkin meninjau untuk membina sesuatu seperti pusat latihan," katanya.